



# PELAN STRATEGIK

# Interim

Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020

**Pelan Strategik Interim**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**  
**2011 - 2020**

Cetakan Pertama 2012  
©Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012

ISBN 978-983-9522-26-6

**Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.**

Perpustakaan Negara Malaysia    Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PELAN STRATEGIK INTERIM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2011 - 2020

*Disediakan oleh:*

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pelajaran Malaysia**

Aras 1-4, Blok E8, Presint 1  
Kompleks Kerajaan Putrajaya Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

**Tel: +603-8884 6000**

**Fax: +603-8884 6439**

**Web: [www.moe.gov.my/bppdp](http://www.moe.gov.my/bppdp)**

# Kandungan

Tajuk	Halaman
Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia.....	iv
Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.....	v
Misi, Visi dan Matlamat .....	vi
Kerangka Konsep Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011 - 2020.....	vii
Bab 1 Pengenalan.....	9
Bab 2 Memartabatkan Profesion Keguruan.....	21
Bab 3 Memperkukuh Penghayatan Akidah dan Nilai Murni.....	31
Bab 4 Mengukuhkan Struktur Persekolahan.....	37
Bab 5 Memantapkan Infrastruktur Institusi Pendidikan KPM.....	43
Bab 6 Mentransformasikan Kurikulum dan Kokurikulum.....	49
Bab 7 Mentransformasikan Pentaksiran.....	57
Bab 8 Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris.....	63
Bab 9 Inovasi dan Kreativiti .....	69
Bab 10 Mengarusperdanakan Pendidikan Vokasional.....	75
Bab 11 Pendidikan Awal Kanak-Kanak.....	81
Bab 12 Pendidikan Inklusif.....	87
Bab 13 1Murid 1Sukan.....	93
Bab 14 Pembelajaran Maya.....	99
Bab 15 Perkongsian Pintar Awam, Swasta, Komuniti dan Ibu Bapa.....	105
Bab 16 Penutup .....	111

## KATA ALU-ALUAN | KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Modal insan merupakan satu elemen penting yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Modal insan yang berkualiti akan memberi nilai tambah yang diperlukan oleh sesebuah negara yang sedang membangun bagi meningkatkan produktiviti yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Sesungguhnya usaha ke arah penjana modal insan yang berkualiti mencakupi bidang pendidikan. Kepesatan pembangunan negara sememangnya memerlukan modal insan yang berilmu dan berkemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan.

Selaras dengan kesedaran tersebut, saya mengucapkan syabas kepada semua yang telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 bagi merealisasikan hasrat Wawasan 2020. Saya yakin inisiatif-inisiatif yang dikemukakan dalam Pelan Strategik Interim ini akan dapat melahirkan modal insan yang berupaya membawa negara kita ke puncak kemajuan dan kejayaan.

Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 akan digunapakai sementara menantikan *blueprint* Hala Tuju dan Transformasi Pendidikan Negara yang sedang dibangunkan siap sepenuhnya. Pelan Strategik Interim ini akan memastikan setiap murid akan diberi peluang untuk berjaya. Penyediaan pelan strategik ini telah mengambilkira agenda penting negara termasuklah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan yang akan terus diperkasa demi memperluas akses pendidikan berkualiti dan menggalakkan peranan swasta sebagai pelengkap utama agenda pendidikan negara.

Saya amat berharap penerbitan buku Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 ini akan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan semua objektif serta sasaran program akan sentiasa difahami dan dihayati oleh semua pelaksana.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMED

## KATA ALU-ALUAN | KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan limpah kurnia-Nya serta keizinan-Nya, dokumen Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 berjaya direalisasikan. Syabas dan tahniah ditujukan kepada seluruh warga KPM yang terlibat dalam menjayakan usaha murni ini. Semoga segala usaha cemerlang ini akan melonjakkan Kementerian Pelajaran Malaysia ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Dalam memastikan sistem pendidikan negara yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia, satu pelan yang mantap disediakan. Dengan terhasilnya Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 ini, maka usaha untuk melahirkan modal insan mengikut acuan kita sendiri dapat direalisasikan. Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada semua warga Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah dalam memastikan pelaksanaan inisiatif dan aktiviti berjalan dengan lancar dan sistematik.

Harapan saya adalah supaya Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 ini sewajarnya dijadikan panduan untuk melaksanakan perancangan dengan berkesan dan mencapai sasaran serta hasil yang telah ditetapkan. Dengan demikian, usaha melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Akhir kata, saya berharap agar kesemua inisiatif yang dicadangkan dapat dilaksanakan secara cekap dan tersusun bagi menjayakan kemajuan dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.



DATO' SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD



Dato' Sri Abd Ghafar Bin Mahmud  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

# **VISI**

**SEKOLAH UNGGUL  
PENJANA GENERASI TERBILANG**

# **MISI**

**MEMBANGUN POTENSI INDIVIDU  
MELALUI PENDIDIKAN BERKUALITI**

# **MATLAMAT**

- 1. Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.**
- 2. Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera.**
- 3. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara.**
- 4. Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.**



## SETIAP MURID BERPOTENSI UNTUK BERJAYA

### Pemantapan Penguapaya

Memartabatkan Profesion  
Keguruan

Memperkukuh Penghayatan  
Akidah dan Nilai Murni

Mengukuhkan Struktur  
Persekolahan

Memantapkan Infrastruktur  
Institusi Pendidikan KPM

Mentransformasikan Kurikulum  
dan Kokurikulum

Mentransformasikan Pentaksiran

### Pembaharuan & Lonjakan

Memartabatkan Bahasa Malaysia  
Memperkukuh Bahasa Ingeris

Inovasi dan Kreativiti

Mengarusperdanakan  
Pendidikan Vokasional

Pendidikan Awal  
Kanak-kanak

Pendidikan Inklusif

1Murid 1Sukan

Pembelajaran Maya

Perkongsian Pintar Awam,  
Swasta, Komuniti dan Ibu Bapa

## KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

W 2020

RMK 10

PTK

PTE

MBE

FPK

PIPP

## AKSES | EKUITI | KUALITI

Kerangka Konsep Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020







## **BAB 1: PENGENALAN**

## Aspirasi Negara

**M**alaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut cara tersendiri tanpa terikat kepada cara dan corak negara maju lain. Kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi sahaja malah merangkumi segala aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Sejak Wawasan 2020 dilancarkan pada 28 Februari 1991, kerajaan telah memberi tumpuan kepada perpaduan, pembangunan teknologi, produktiviti dan nilai-nilai moral bagi menghadapi persaingan globalisasi. Dalam merealisasikan Wawasan 2020 dan dalam usaha negara mengharungi cabaran abad ke-21, Kerajaan telah memperkenalkan empat (4) tonggak penting, iaitu Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Model Baru Ekonomi (MBE). Empat (4) tonggak inilah yang mendasari transformasi pendidikan.

Konsep Gagasan 1Malaysia telah diperkenalkan bertujuan menyatupadukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan menjurus kepada satu matlamat umum. Lapan (8) nilai yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia ialah **budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan**

**dan integriti.** Program transformasi kerajaan yang dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, pada 2 April 2010 pula memberi penekanan kepada keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan dan tanggungjawab atas keberhasilan yang memberi keutamaan kepada rakyat.

Selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kerajaan menyasarkan untuk memperbaiki pencapaian pendidikan dengan memastikan setiap murid mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan.

Model Baru Ekonomi merupakan tunjang penting yang dibentuk khusus untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat pada masa akan datang. Model yang melibatkan tiga (3) prinsip hasil daripada laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) iaitu, 1) berpendapatan tinggi, 2) kemapanan dan 3) keterangkuman akan memacu kemajuan ekonomi negara menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya; meletakkan kedudukan negara yang berdaya saing secara strategik di dalam ekonomi serantau dan global, persekitaran yang mapan dan kualiti kehidupan secara menyeluruh.

Pendidikan merupakan elemen utama yang menjadi asas untuk merealisasikan aspirasi negara. Perubahan yang berlaku di peringkat global memberi cabaran terhadap perancangan pendidikan negara. Kesan globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat di seluruh dunia memerlukan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membuat penyesuaian dan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan yang sedia ada.

RMKe-10 penting dalam memperkukuh sistem pendidikan bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke pengajian tinggi. Perkara ini terkandung dalam satu (1) daripada lima (5) teras strategik ke arah mencapai matlamat RMKe-10. Demi membangunkan dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia, kerajaan memberi penekanan ke arah pencapaian aspek meningkatkan kualiti guru, meningkatkan bilangan sekolah berprestasi tinggi, memperkenalkan sekolah amanah, meningkatkan penyertaan murid dan kesaksamaan pendidikan.

### 1 Malaysia

Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan



### RMKe-10

Lima teras strategik diperkenalkan ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020

### Program Transformasi Kerajaan

Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah dikenal pasti untuk menuju ke arah transformasi kerajaan

### Model Baru Ekonomi

Peningkatan produktiviti pekerja yang bermatlamat membantu meningkatkan pendapatan

Carta Asas Pembentukan Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020

## Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010

PIPP 2006-2010 dihasilkan bagi merealisasikan Misi Nasional yang bertujuan meningkatkan prestasi dan impak pembangunan negara. PIPP menjurus untuk mencapai Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'.

Dengan matlamat melahirkan modal insan kelas pertama, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui PIPP telah memastikan agenda pendidikan yang dirangka dalam Pembangunan Pendidikan 2001-2010 diteruskan melalui dua pendekatan iaitu kesamarataan peluang pendidikan dan kecemerlangan institusi pendidikan. PIPP dilaksanakan melalui enam (6) teras strategik iaitu:

1. **Membina Negara Bangsa**
2. **Membangunkan Modal Insan**
3. **Memperkasakan Sekolah Kebangsaan**
4. **Merapatkan Jurang Pendidikan**
5. **Memartabatkan Profesion Keguruan**
6. **Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan**

Sepanjang pelaksanaan PIPP, pelbagai cabaran telah dilalui oleh KPM bagi memastikan bahawa segala perancangan yang telah dibuat dapat dilaksanakan sepenuhnya. Pelaksanaan PIPP 2006-2010 selama lima (5) tahun menunjukkan prestasi pencapaian yang memberansangkan bagi setiap teras. Kejayaan

pelaksanaan PIPP 2006–2010 bagi setiap teras diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan hampir 300 pelan tindakan bagi semua teras PIPP telah berjaya mencapai prestasi lebih 80 peratus sasaran yang ditetapkan. Sehingga Disember 2010, prestasi pencapaian bagi setiap teras ialah Teras 1 (87.9%), Teras 2 (92.9%), Teras 3 (86.0%), Teras 4 (98.0%), Teras 5 (90.8%) dan Teras 6 (95.2%). Walaupun terdapat pelbagai kekangan akibat kegawatan ekonomi di peringkat global, KPM terus mempertingkatkan usaha agar sasaran yang diharapkan dapat dicapai dengan baik. Ini membuktikan kesungguhan KPM melaksanakan usaha untuk mengangkat pendidikan negara ke peringkat yang lebih tinggi.

## **Agenda Belum Selesai**

Kini, PIPP menjadi asas lonjakan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikannya bertaraf dunia bagi membantu kejayaan Misi Nasional dan Wawasan 2020. Kejayaan yang diperoleh turut dipengaruhi oleh kekuatan jalinan kerjasama di dalam dan di luar KPM. Bagi memacu KPM ke

arah pelaksanaan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi, PIPP telah mencetuskan beberapa perkara baru yang menambah baik dan memberi nilai tambah pada setiap teras PIPP.

Berdasarkan Laporan Akhir PIPP 2006-2010 ini, KPM juga telah mengenal pasti isu-isu yang memerlukan perhatian dan tindakan lanjut dalam perancangan pendidikan dan cabaran masa hadapan. Bagi terus memastikan semua murid mendapat akses kepada pendidikan dan terus melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan negara, KPM mencadangkan tindakan susulan seperti yang berikut:

**1** Menetapkan sasaran baru bagi Projek Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM).

**2** Meneruskan program pendidikan yang mempunyai impak tinggi bagi memupuk perpaduan dalam kalangan murid seperti Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) agar menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara mereka.

**3** Mengukuhkan konsep sekolah wawasan bagi menarik minat ibu bapa menjadikan sekolah ini sebagai sekolah pilihan.

**4** Menempatkan guru opsyen mata pelajaran Bahasa Malaysia.

**5** Memantapkan aktiviti Pendidikan Islam bagi menangani gejala sosial dan salah laku dalam kalangan murid dengan mempelbagaikan aktiviti Pendidikan Islam, dakwah serta aktiviti sivik dan kewarganegaraan.

**6** Melestarikan Pendidikan Vokasional sejajar dengan Transformasi Pendidikan Vokasional melalui hubungan kolaboratif dengan industri. Tujuannya adalah bagi menginovasikan pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir.

**7** Menubuhkan Majlis Standard Kualiti Bahasa Inggeris bagi melaksanakan penarafan standard pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan murid di sekolah.

**8** Memantapkan kemenjadian murid dengan tujuan untuk memastikan murid yang dihasilkan melalui sistem pendidikan kebangsaan mempunyai ilmu pengetahuan, dilengkapi kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan teknologi maklumat dengan baik, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional.

**9** Memantapkan Transformasi Kurikulum dengan pemugaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Seni Muzik dan Pendidikan Seni Visual.

**10** Memantapkan Transformasi Pentaksiran yang holistik, bersepadu dan seimbang.

**11** Menyelenggara peralatan dan perkakasan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara intensif dan bersepadu.

**12** Mengkaji semula syarat pemberian Tawaran Baru (Bai'ah) dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti pencapaian murid dalam kokurikulum dan kemenjadian serta potensi murid.

**13** Menaraf semula Sekolah Kebangsaan Orang Asli dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas daripada sekolah kebangsaan aliran perdana.

**14** Menyelaraskan penubuhan prasekolah baru mengikut lokasi.

**15** Memperluas penawaran mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dengan mengambil kira bilangan guru yang mencukupi, pengajaran dalam waktu persekolahan dan kepelbagaian alat bantu mengajar.

**16** Meningkatkan kemahiran dan disiplin guru melalui program pemugaran dan penguatkuasaan tindakan punitif.

**17** Melaksanakan dasar pendidikan wajib sembilan tahun, iaitu dari enam (6) tahun (Tahun 1 hingga Tahun 6) kepada sembilan (9) tahun (Tahun 1 hingga Tingkatan 3).

**18** Mereka bentuk bangunan sekolah dengan lima (5) kaedah reka bentuk menggunakan 'lightweight building system' (LBS) merangkumi bilik darjah, bilik guru, kuarters guru dan asrama.

**19** Mengubah suai dan menaik taraf bangunan bagi sekolah daif dan uzur berdasarkan dapatan audit fizikal.

**20** Menyediakan infrastruktur TMK yang bersepadu dan berterusan di luar bandar dan pedalaman.

**21** Meluaskan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak terpinggir yang tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, pulau dan terpencil, dalam kalangan Orang Asli, Penan dan peribumi serta kanak-kanak berkeperluan khas.

**22** Menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi menyediakan pendidikan khusus kepada kanak-kanak terpinggir.

**23** Mengesan bakal guru lebih awal bagi memastikan kualiti guru bermula seawal pemilihan dan pengambilan calon guru.

**24** Mengkaji semula syarat lulus di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi memastikan tahap kualiti pelatih guru dari IPG kekal berada pada tahap yang baik dan cemerlang.

**25** Mempergiat peranan Guru Cemerlang sebagai mentor bagi memotivasikan guru lain supaya meningkatkan kualiti dan kemahiran dalam bidang masing-masing.

**26** Menubuhkan Pasukan Pengajaran dan Perkembangan (Teaching and Development Teams) dengan tujuan memupuk rasa pemilikan terhadap amalan pengajaran terbaik serta mengamalkan konsep ketekalan pengajaran serta menjalin hubungan kolaboratif di dalam sekolah dan antara sekolah.

**27** Meningkatkan jalinan dan jaringan sekolah melalui program dan aktiviti antarabangsa.

**28** Menilai semula kriteria penganugerahan Sekolah Berprestasi Tinggi supaya tidak berpaksikan kepada akademik semata-mata.

**29** Mengkaji semula syarat pemilihan guru besar dan pengetua. Pemilihan menggunakan pelbagai kaedah seperti 'head hunting', 'grooming' dan temu duga berdasarkan penyelesaian masalah akan dicadangkan dalam perancangan akan datang.

## Tumpuan Pendidikan 2011-2020:

### Inisiatif Strategik

"Setiap murid berpotensi untuk berjaya" menjadi matlamat kepada perancangan KPM dengan keyakinan bahawa semua murid mempunyai peluang dan potensi untuk berjaya. Setiap murid berpotensi untuk berjaya bermaksud murid yang memiliki pengetahuan dan kemahiran, mengamalkan nilai murni yang tinggi, berfikiran kreatif dan inovatif, mengamalkan sikap bersatu padu dalam masyarakat dan gaya hidup sihat. Bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai, dua (2) pendekatan utama dalam Pelan Strategik telah dikenal pasti iaitu:

- Pemantapan pengupaya inisiatif sedia ada untuk memacu perubahan dalam sistem pendidikan.
- Pembaharuan dan lonjakan dimensi-dimensi baru bagi mencapai kecemerlangan dan pendidikan yang berkualiti.

Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 merangkumi 14 inisiatif strategik atau teras strategik untuk mencapai visi dan misi KPM. Bagi membangunkan sekolah yang unggul, transformasi sistem pendidikan seperti penstrukturan semula persekolahan, kurikulum dan pentaksiran serta mengarusperdanakan pendidikan vokasional merupakan inisiatif yang diberi keutamaan.



## Memartabatkan Profesion Keguruan

Kualiti guru merupakan faktor utama pembinaan modal insan sesebuah negara maju. Kualiti guru juga akan menentukan kualiti pembelajaran murid. Justeru, usaha meningkatkan kualiti guru tidak boleh dipinggirkan dalam usaha memantapkan pendidikan negara. Memartabatkan Profesion Perguruan telah dijadikan satu daripada enam (6) teras dalam PIPP 2006-2010. Usaha ini akan diteruskan dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 melalui pelbagai insentif kepada guru seperti memantapkan proses pengambilan guru, program pembangunan profesionalisme yang berterusan, laluan kerjaya yang menarik, dan melestarikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

## Memperkuh Penghayatan Akidah dan Nilai Murni

Sahsiah yang unggul merupakan nilai yang perlu ada dalam diri setiap warga Malaysia. Karakter murid merupakan satu aset yang paling berharga bagi menentukan modal insan yang dilahirkan memiliki sahsiah unggul. Keperluan memiliki modal insan seperti ini akan dapat digarap melalui penghayatan akidah.

Penghayatan akidah akan menjadi benteng yang dapat mengawal tingkah laku murid secara intrinsik. Pengawasan tingkah laku secara

intrinsik ini akan mengurangkan masalah sosial dan jenayah dalam negara. Tenaga, masa, kewangan dan pemikiran akan dapat ditumpukan kepada pembangunan negara kerana masalah dalaman negara telah pun dapat diselesaikan melalui pendidikan yang memberikan penekanan kepada penghayatan akidah.

Perpaduan berasaskan semangat 1Malaysia terus diterapkan dalam kalangan murid. Dalam PIPP, Membina Negara Bangsa merupakan teras kedua yang dikembangkan melalui pelbagai aktiviti seperti memperkasakan Bahasa Kebangsaan dan memupuk kecintaan murid terhadap kesenian, budaya dan sukan. Perpaduan wajar menjadi keutamaan dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 agar tercapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju dengan acuan tersendiri.

## Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Matlamat bagi membangunkan dan mengekalkan modal insan merupakan satu usaha penting untuk menjamin keutuhan negara. Justeru, Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuh Bahasa Inggeris, (MBMMBI) telah dirancang bagi mencapai matlamat tersebut. Dasar ini akan dapat memperkuh daya saing negara dengan mengangkat bahasa sebagai mediumnya. Sehubungan itu,

dasar memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat negara. Dasar ini juga akan menjayakan matlamat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Dasar MBMMBI memberikan penekanan kepada lima (5) bidang utama kemahiran. Kemahiran membaca, mendengar dan berucap, menulis, tatabahasa dan seni bahasa akan diperkukuh lagi. Malahan, pengajaran Kesusasteraan Melayu akan diperluas di peringkat sekolah rendah. Langkah ini akan membantu mempercepat penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Kefasihan dalam berbahasa akan dapat memacu kecemerlangan negara di peringkat antarabangsa kerana kemampuan warga Malaysia berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global.

## **Pendidikan Prasekolah dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak**

Pendidikan Prasekolah masih menjadi agenda utama KPM dalam usaha membangunkan modal insan berkualiti. Menyedari kepentingan pendidikan prasekolah ke arah memperkembang potensi kanak-kanak bagi menyediakan asas kukuh sebelum pendidikan formal, salah satu bidang NKRA pendidikan yang dikenal pasti merujuk kepada pendidikan prasekolah.

Tumpuan diberikan kepada meningkatkan penyertaan kanak-kanak dalam prasekolah. Bagi meluaskan lagi akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti beberapa usaha akan dipertingkat seperti pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, penyeragaman bantuan kepada murid prasekolah kerajaan, meningkatkan kualiti guru dan pembantu guru, menambahkan bilangan kelas prasekolah di kawasan miskin bandar, luar bandar dan pedalaman, meningkatkan perkongsian pintar kerajaan-swasta dalam pendidikan prasekolah dan mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan.

Keperluan menyediakan program Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang berkualiti sangat penting kerana pelaburan yang dibuat untuk setiap kanak-kanak yang dilahirkan pada hari ini akan memberikan pulangan yang besar pada masa hadapan. Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Pusat Anak PERMATA Negara KPM dirangka untuk menyediakan program asuhan dan didikan awal kepada kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun.

Terdapat beberapa isu yang dikaitkan dengan PERMATA, antaranya kekurangan akses dan ketiadaan punca kuasa perundangan bagi melaksanakan asuhan kanak-kanak (bawah umur 4 tahun) dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Justeru, KPM akan memberi tumpuan dalam pembinaan dan pengambilalihan Pusat Anak PERMATA Negara dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011 – 2020.

## Pendidikan Vokasional

Transformasi pendidikan akan menjadi asas kepada penghasilan tenaga kerja yang berpengetahuan dan selaras dengan kemahiran abad ke-21. Justeru, KPM telah mengarusperdanakan Pendidikan Vokasional untuk melahirkan tenaga manusia berkemahiran tinggi dan fleksibel bagi menghasilkan pekerja yang inovatif, kreatif dan berdaya saing selaras dengan keperluan semasa.

Pendidikan yang berorientasikan akademik telah memerangkap negara kita dalam pendapatan sederhana berbanding dengan negara lain. Akibatnya negara berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga mahir yang merupakan satu aset penting bagi pembangunan negara.

**Malaysia yang terletak di satu rantau yang pesat dalam pertumbuhan produktiviti buruh, belum lagi dapat melahirkan pekerja berkemahiran tinggi. Hanya 27 peratus sahaja tenaga kerja kita berkemahiran tinggi dan masih mengharapkan sumber tenaga dari luar. Oleh itu, peranan KPM perlu berubah untuk menyahut cabaran bagi menghasilkan sumber manusia yang inovatif, kreatif dan berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah yang terpuji.**

Sehubungan itu, pendidikan vokasional perlu diperkasakan bagi memenuhi keperluan untuk menambah tenaga mahir dan melonjakkan pendapatan negara ke peringkat yang lebih tinggi. Langkah ini selaras dengan MBE.


## Transformasi Kurikulum

Transformasi kurikulum amat perlu kerana melaluinya kemajuan negara dapat dipacu. Transformasi kurikulum mampu mengupayakan tahap kesediaan tinggi dalam diri rakyat Malaysia dengan keperluan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial yang lengkap dan sempurna ke arah menghadapi cabaran abad ke-21. Melalui transformasi kurikulum ini, mata pelajaran yang kurang sesuai akan dikaji semula. Ruang bagi pemikiran kreatif dan kritis akan diperluas. Perkembangan individu akan ditaksir dari pelbagai dimensi.

Melalui transformasi kurikulum pelbagai perubahan akan dilaksanakan. Sistem pentaksiran akan menjadi lebih holistik serta fleksibel dan memberi penilaian yang lebih menyeluruh untuk pembangunan individu secara menyeluruh.

Orientasi kepada peperiksaan akan berkurangan. Transformasi kandungan kurikulum yang berasaskan hasil pembelajaran akan lebih memberi makna. Justeru, pengajaran guru tidak lagi berfokus kepada peperiksaan, sebaliknya lebih holistik dan memberikan peluang kepada murid menambah pengalaman dan kemahiran.

Bab-bab yang seterusnya ialah huraian terperinci setiap inisiatif strategik yang telah dirangka bagi memastikan semua murid berjaya dan berlakunya peningkatan dalam kualiti sistem pendidikan negara.





## **BAB 2: MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN**

Sistem pendidikan negara dirancang dengan menyasarkan pembangunan modal insan kelas pertama yang bakal menerajui pembangunan negara pada masa depan. Kejayaan pendidikan negara sangat bergantung kepada guru dan pemimpin sekolah yang menjadi tunjang kepada pelaksanaan pendidikan negara. Oleh kerana realiti semua pelaksanaan dasar adalah tercermin daripada perkara yang sebenarnya berlaku di sekolah dan bilik darjah, KPM merancang pembangunan pendidikan dengan memberi keutamaan kepada pembangunan kualiti guru dan pemimpin.

Usahamemartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru, dan kebajikan guru dimantapkan dalam perancangan ini dengan matlamat menjadikan profesion keguruan dihormati serta dipandang tinggi. Ini bersesuaian dengan amanah yang dipikul oleh guru dalam pembinaan generasi masa depan negara.

Selain guru, pemimpin yang cekap menyumbang dalam kecemerlangan pencapaian murid di samping menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran kepada murid dan guru. Kejayaan pelaksanaan pembangunan pendidikan yang dirancang di peringkat pusat meletakkan cabaran dan tanggungjawab kepada pemimpin sekolah dalam merealisasikan perkara yang dirancang dengan bantuan

guru. Pemimpin yang bijak berupaya menyediakan prasarana dan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan bersesuaian dengan keperluan pembelajaran murid.

Keupayaan serta kompetensi guru dan pemimpin amat penting, maka pembangunan keupayaan mereka dirancang di sepanjang kerjaya mulai di peringkat pemilihan. Oleh itu, pembangunan profesionalisme guru termasuk pemimpin merupakan suatu kontinuum yang dirancang di sepanjang kerjaya mereka. Proses ini berfokus kepada keperluan guru bersesuaian dengan ciri murid serta konteks persekitaran pembelajaran yang dihadapi. Hal ini dapat ditunjukkan dalam Model Kontinuum Pembangunan Guru (**Rajah 2.1**).

<b>Matlamat :</b>	Meningkatkan kualiti guru dan pemimpin pendidikan bagi meningkatkan kemenjadian murid
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan strategi mendapatkan guru baharu terbaik.</li> <li>2. Meningkatkan kompetensi guru dan pemimpin pendidikan.</li> <li>3. Memastikan setiap guru dan pemimpin pendidikan berprestasi tinggi.</li> </ol>
<b>Outcome:</b>	Meningkatkan kualiti penyampaian di sekolah dan institusi latihan.



RAJAH 2.1

Pada masa yang sama, akauntabiliti kepemimpinan dalam menentukan peningkatan pencapaian pembelajaran murid dipertingkat dengan meningkatkan pengupayaan dan kebertanggungjawaban pemimpin terhadap pengurusan instruksional bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran murid di sekolah masing-masing. Oleh itu, pelbagai tawaran baru kepada pemimpin dilaksanakan melalui inisiatif ini.

Pembangunan profesionalisme guru termasuk pemimpin sekolah merangkumi aktiviti formal dan pengalaman tidak formal yang dapat menyokong perkembangan kerjaya di sepanjang perkhidmatan mereka secara berterusan.

Pembangunan profesionalisme guru bukan hanya berfokus kepada latihan melalui kursus rasmi semata-mata malahan merangkumi elemen sokongan profesional daripada pemimpin, rakan sekerja, dan juga komuniti setempat serta persekitaran pembelajaran yang disediakan di sekolah.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik memartabatkan profesion keguruan:



### INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Pemasaran dan Pengambilan Calon Guru	BPG	Berterusan	1. Mempromosikan profesion keguruan.	1. Mengambil 20% guru pelatih dalam kalangan pelajar/graduan cemerlang. 2. Mulai tahun 2013, graduan dengan PNGK 3.0 ke atas dipilih dan dilantik sebagai guru. 3. Mulai tahun 2013, pelatih guru di IPG/ IPTA/IPTS ditawarkan Biasiswa Cemerlang atau Pinjaman Boleh Ubah (PBU) dan jaminan penempatan dimansuhkan.
	BPG	2015	2. Membangunkan standard profesional guru.	
	BPG, BPSM, IAB, IPG	Berterusan	3. Memantapkan kriteria dan prosedur pengambilan guru/ pemimpin / pensyarah.	
	BPG, BTajaan, IPG	Berterusan	4. Menghapus jaminan penempatan dan melaksanakan Biasiswa Cemerlang serta Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk pengajian bidang pendidikan di semua institusi latihan. 5. Mengesan bakal guru lebih awal bagi memastikan kualiti guru bermula seawal pemilihan dan pengambilan calon guru. 6. Mengkaji semula syarat lulus di IPG bagi memastikan tahap kualiti pelatih guru dari IPG kekal berada pada tahap baik dan cemerlang.	
Pemastian Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran serta Latihan	JNJK	2011	1. Memantapkan kualiti penaziran.	1. Mensifarkan tahap p&p lemah dan sederhana dalam kalangan guru menjelang tahun 2015. 2. Mensifarkan bilangan sekolah pada tahap Band 6 dan 7 menjelang tahun 2020. 3. Memastikan kualiti latihan perguruan dan kepimpinan 100% berkualiti menjelang 2015. 4. Melaksanakan sistem penarafan IPG dan membuat <i>ranking</i> IPG mulai tahun 2013.
	JNJK	2012	2. Membangunkan <i>Performance Management System</i> (PMS).	
	BPG	2012	3. Meningkatkan <i>effective instructional time</i> guru/ pensyarah.	
	JNJK	2015	4. Memperteguh penaziran ke arah pendidikan berkualiti.	

## INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Pemastian Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran serta Latihan (sambungan)	BPG	Berterusan	5. Membangunkan dan memastikan pematuhan standard program pendidikan guru.	5. Meningkatkan 10% pensyarah menghasilkan dan membentangkan kertas kerja penyelidikan peringkat antarabangsa setiap tahun. 6. Menjelang tahun 2016, hanya guru opsyen sahaja yang dibenarkan mengajar subjek berkaitan. 7. Menjelang tahun 2020, 20% program latihan berkolaboratif dengan institusi swasta dalam dan luar negara. 8. 100% sekolah membangunkan sokongan profesional kepada guru secara berasaskan sekolah dan kolaboratif.
	IPG, ELTC, IAB	Berterusan	6. Memantapkan kurikulum/program latihan.	
	BPSH	2016	7. Memantapkan program penempatan semula guru / pensyarah mengikut opsyen.	
	BPG, IPG, ELTC & IAB	2015	8. Meningkatkan infrastruktur dan infostruktur institusi latihan.	
	IPG, ELTC, IAB	2013	9. Membangunkan Program Sistem Penarafan Institusi Latihan untuk penandaarasan.	
	BPG, IPG, IAB, BPSH	Berterusan	10. Menambah baik penyampaian melalui <i>Professional Learning Community</i> (PLC).	
	BPG, BTP, BPSH	Berterusan	11. Membudayakan pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran serta latihan.	
	BPK, BPG, BPSH	Berterusan	12. Membudayakan kreativiti dan inovasi dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta latihan.	
	BPG, IAB, ELTC, IPG	Berterusan	13. Melonjakkan kecemerlangan institusi latihan.	
	JNJK, BPG	Berterusan	14. Meningkatkan kemahiran dan disiplin guru melalui program penguatkuasaan tindakan punitif.	

INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Pemilihan dan Penempatan Guru Baharu	BPG	2015	1. Membangunkan dan memastikan pematuhan standard professional guru / pemimpin / pensyarah.	1. Mengambil 20% guru pelatih dalam kalangan pelajar/graduan cemerlang. 2. Mulai tahun 2013, Biasiswa Cemerlang dan PBU ditawarkan kepada pelajar dalam bidang pendidikan/ perguruan di IPG, IPTA dan IPTS. 3. Mulai tahun 2017, graduan dengan PNGK 3.0 ke atas dipilih dan dilantik sebagai guru.
	IAB, BPG	2015	2. Membangunkan <i>Teach for Malaysia</i> (TFM)	
	BPG, BPSM, BT, IPG	2017	3. Membangunkan dan melaksanakan sistem terbuka	
Program Induksi Guru Baharu	BPG	Berterusan	1. Membangunkan Program Pembangunan Guru Baharu.	1. Semua (100%) guru baharu menjalani program induksi setiap tahun. 2. Semua (100%) pemimpin baharu menjalani program induksi setiap tahun. 3. Semua (100%) pensyarah baharu menjalani program induksi setiap tahun.
	IAB	Berterusan	2. Membangunkan Program Kursus / Orientasi Pemimpin Baharu.	
	IAB, IPG, ELTC	Berterusan	3. Membangunkan Program Kursus / Orientasi Pensyarah Baharu.	
Pembangunan Profesionalisme Berterusan	BPG	2015	1. Membangunkan standard profesional guru dan standard program pendidikan guru.	1. Semua (100%) guru berprestasi tinggi dan kompeten mengajarkan mata pelajaran. 2. Semua (100%) guru mempunyai ijazah pertama menjelang tahun 2020. 3. Meningkatkan sokongan profesional untuk guru melalui penglibatan komuniti setempat.
	BPG	2020	2. Memantapkan Program Penswazahan Guru (PPG) untuk meningkatkan tahap kelayakan pendidikan guru / pemimpin melalui perkongsian pintar awam-swasta.	


## INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Pembangunan Profesionalisme Berterusan (sambungan)	BPG, ELTC	Berterusan	3. Memantapkan kompetensi guru melalui pembangunan profesionalisme berterusan dalam pelbagai bidang mata pelajaran, kokurikulum, sukan, voktek, pendidikan khas, prasekolah, PERMATA, dan keperluan dasar KPM dengan cara perkongsian pintar awam-swasta serta berasaskan sekolah.	4. 100% pensyarah mendapat skor tahap cemerlang (66-84). 5. 100% pensyarah mempunyai ijazah sarjana dan 50% mempunyai ijazah kedoktoran menjelang tahun 2020. 6. Menjelang tahun 2020, terhasil pangkalan data jurulatih sukan dalam kalangan guru sekolah.
	BPG	Berterusan	4. Memberi nilai tambah kepada aktiviti pembangunan profesionalisme.	7. Menjelang tahun 2020, terhasil kumpulan <i>specialist coaches</i> mengikut mata pelajaran bagi membantu p&p guru.
	BPG, ELTC, IAB, IPG	2015	5. Meningkatkan peluang dan saluran bagi guru dan pemimpin pendidikan mengikuti latihan pembangunan profesionalisme berterusan.	8. Menambah bilangan mod latihan untuk meningkatkan peluang latihan kepada guru.
	BPG	2015	6. Meningkatkan bilangan jurulatih utama dalam pelbagai bidang mata pelajaran, kokurikulum, sukan, voktek, pendidikan khas, prasekolah, PERMATA, dan keperluan dasar KPM dengan cara perkongsian pintar awam-swasta.	9. Semua (100%) pendidik asuhan kanak-kanak mendapat latihan bertauliah dan mempunyai tahap kelayakan akademik diploma menjelang tahun 2020.
	BPG, IAB	Berterusan	7. Membangunkan program <i>School Improvement Specialist Coaches</i> untuk guru/penyarah dan <i>School Improvement Partner</i> untuk pemimpin.	10. Menjelang tahun 2020, semua aktiviti pembangunan profesionalisme guru mendapat pengiktirafan untuk pindah kredit/nilai taraf.
	BPG, IPG, ELTC, IAB	Berterusan	8. Membudayakan <i>Professional Learning Community</i> sebagai sokongan profesional kepada guru/penyarah/pemimpin.	
	BPSH	2015	9. Meningkatkan penglibatan komuniti setempat/ibu bapa.	

INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Pembangunan Profesionalisme Berterusan (sambungan)	IPG, ELTC, IAB	Berterusan	10. Meningkatkan kompetensi pensyarah.	
	BPG, BPSH, BPSBPSK	Berterusan	11. Meningkatkan peranan Guru Cemerlang sebagai mentor bagi memotivasikan guru lain supaya meningkatkan kualiti dan kemahiran dalam bidang masing-masing.  12. Menubuhkan pasukan pengajaran dan perkembangan ( <i>Teaching &amp; Development Teams</i> ) dengan tujuan memupuk rasa pemilikan terhadap amalan pengajaran terbaik serta mengamalkan konsep ketekalan pengajaran serta menjalin hubungan kolaboratif di dalam dan antara sekolah.	
Tawaran Baru, Penilaian dan Pengurusan Prestasi	JNJK	2013	1. Memantapkan program Tawaran Baru.	1. Menganugerahkan sekurang-kurangnya 2% pemimpin Tawaran Baru pada tahun 2011 dan mencapai 6% pada 2013.  2. 40% pensyarah IPG naik gred menjelang tahun 2020 melalui laluan pantas.  3. 2% guru setiap tahun berpeluang mendapat kenaikan gred melalui laluan pantas.
	BPG, IPG, BPPK, BPSM	2012	2. Membangunkan penilaian berasaskan kompetensi untuk laluan kerjaya pantas.	
	BPPDP	2012	3. Memperluas pangkalan data EMIS untuk pemantapan data guru yang menyeluruh serta bersepadu untuk kegunaan pelbagai pihak.	

## INISIATIF 1 : MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Tawaran Baru, Penilaian dan Pengurusan Prestasi (sambungan)	BPPDP, BPG, IAB, BPSM	2012	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Membangunkan pelan pelapis pemimpin pendidikan.</li> <li>5. Mengkaji semula syarat pemberian Tawaran Baru dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti pencapaian murid dalam kokurikulum dan kemenjadian serta potensi murid.</li> <li>6. Mengkaji semula syarat pemilihan guru besar dan pengetua dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti <i>head hunting</i>, <i>grooming</i> dan temu duga berdasarkan penyelesaian masalah.</li> </ol>	4. Menjelang 2012, pangkalan data pelapis pemimpin pendidikan dibangunkan dan digunakan untuk tujuan kenaikan pangkat.





**BAB 3 :**  
**MEMPERKUKUH**  
**PENGHAYATAN AKIDAH**  
**DAN NILAI MURNI**



Dunia dahulu adalah amat berbeza dengan dunia hari ini. Perubahan demi perubahan berlaku dengan begitu cepat. Lebih-lebih lagi dengan tercetusnya gelombang teknologi maklumat yang membolehkan penyebaran maklumat secara meluas ke segenap pelosok dunia tanpa halangan dalam masa yang singkat atau disebut sebagai globalisasi. Kita sebagai rakyat Malaysia, sebenarnya tidak mempunyai pilihan melainkan untuk meneliti secara kritikal daripada segenap aspek cabaran, implikasi dan trend globalisasi ini.

Globalisasi sosial kini mampu membawa kepada penyebaran budaya yang bertentangan dengan tuntutan nilai kerohanian dan moral yang murni rakyat Malaysia. Arus globalisasi yang melanda, jika tidak diawasi dengan bijaksana boleh menyebabkan kelunturan akidah dan nilai murni rakyat.

Golongan muda khususnya, mudah terpengaruh disebabkan oleh akidah dan pegangan serta amalan beragama yang lemah. Pendidikan yang berteraskan akidah yang sah dengan pengajaran dan pendidikan yang sebenar, penghayatan rohani yang mantap serta amalan nilai murni yang kukuh mampu menjadi paksi dan benteng kehidupan.

Akidah berasal daripada bahasa Arab yang bermakna 'ikatan' atau 'sangkutan' atau menyimpulkan sesuatu. Daripada segi istilah pula akidah bererti 'kepercayaan', 'keyakinan' atau 'keimanan' yang mantap dan tidak mudah terurai oleh sebarang pengaruh sama ada dari dalam atau dari luar diri seseorang.

Justeru, akidah yang sah mengajar dan mendidik seseorang supaya berpegang teguh kepada ajaran agama. Bagi umat Islam, mentauhidkan Allah dan tidak mensyirikkan Allah merupakan asas kepada amalan nilai murni. Manakala, bagi penganut agama lain, kepercayaan kepada tuhan membentuk akidah yang dapat melahirkan insan atau murid yang mengamalkan nilai-nilai yang baik.

<b>Matlamat :</b>	Melahirkan modal insan yang mantap akidah, berilmu dan berakhlak mulia.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan program pendidikan bagi memantapkan akidah, akhlak dan adab warga pendidikan.</li> <li>2. Meningkatkan kesedaran warga KPM mengenai amalan nilai murni.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua warga pendidikan menghayati akidah agama dan mengamalkan nilai murni.</li> <li>2. Melahirkan murid yang mempunyai karakter yang unggul.</li> </ol>

Peranan pendidikan amat penting sebagai alat memantapkan akidah dan amalan nilai murni bagi melahirkan modal insan yang berkualiti untuk mencapai kesejahteraan dan kesejahteraan hidup yang lebih sempurna. Hal ini adalah selaras dengan matlamat pendidikan untuk melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera serta selaras juga dengan hasrat dan semangat Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Gagasan 1Malaysia. Untuk itu, strategi memperkukuh penghayatan akidah dan nilai murni dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang mantap akidah, akhlak dan adab.


Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik memperkukuh penghayatan akidah dan nilai murni:


**Akidah yang kukuh dan mantap akan dapat melahirkan warganegara berkualiti, yang mewarnai kehidupan dengan amalan nilai-nilai murni dan mempunyai keperibadian unggul serta bersifat ehsan, taat mengabdikan diri kepada tuhan, taat setia kepada pemimpin, menjadi rakyat yang bersopan santun dan beradab tinggi, saling menghormati antara satu dengan yang lain, bersatu padu dan seterusnya dapat mencapai kesejahteraan abadi.**

INISIATIF 2: MEMPERKUKUH PENGHAYATAN AKIDAH DAN NILAI MURNI				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memperbanyak Program Pendidikan Mengenai Penghayatan Murid Terhadap Amalan Nilai Murni	BPI, BPSH, BS, BKK, BPG, IPG	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan program penghayatan amalan nilai murni.</li> <li>Meningkatkan penglibatan ibu bapa dan komuniti.</li> </ol>	Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid.
Memperluas Pembangunan Karakter Murid bagi Membentuk Sahsiah Murid Unggul	BPG, IAB, BPI, BPSH, BS, BKK	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kepimpinan moral yang berkesan di semua peringkat persekolahan.</li> <li>Melahirkan murid yang mempunyai karakter terpuji.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid.</li> <li>Melahirkan murid yang mempunyai karakter terpuji.</li> </ol>
Meningkatkan Hubungan Kolaboratif Agensi Luar bagi Menangani Masalah Sosial dalam Kalangan Murid	BPG, IAB, BPI, BPSH, BS, BKK	2011 - 2020	Mengukuhkan jalinan kerjasama antara sekolah dengan komuniti.	Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid.
Mengukuhkan Penghayatan Murid Terhadap Kecintaan Terhadap Negara	BPI, BKK, BS, BPPDP, LP, BPK, BPSH	2011 – 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Program Cinta Negara.</li> <li>Melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sejarah di peringkat Sekolah Rendah.</li> <li>Meningkatkan program pendidikan yang mempunyai impak tinggi bagi memupuk perpaduan dalam kalangan murid agar menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara mereka.</li> </ol>	Menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan murid.

## INISIATIF 2: MEMPERKUKUH PENGHAYATAN AKIDAH DAN NILAI MURNI

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam bagi Mengukuhkan Akidah, Penghayatan dan Amalan Murid terhadap Ajaran Islam	BPI, BPSH, IPG	2011 – 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan Program Pemantapan Akidah.</li> <li>2. Melaksanakan Program Pematuhan Etika dan Moral.</li> <li>3. Menjalankan kajian penghayatan akidah dan amalan nilai murni secara komprehensif.</li> <li>5. Melaksanakan pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK.</li> <li>6. Menyediakan dan melaksanakan elemen penghayatan akidah, amalan beragama dan nilai murni merentasi kurikulum dan aktiviti kokurikulum sekolah.</li> <li>7. Menambah bilangan SMKA.</li> <li>8. Memartabatkan kurikulum STAM dan Dinie sebagai kurikulum kebangsaan.</li> </ol>	Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid.
Memantapkan Etika Kerja dan Nilai dalam Kalangan Warga KPM	BPG, BPI, IPG, JNJK	2011 – 2020	Mempergiat program pemantapan etika kerja dan nilai dalam kalangan warga KPM.	Mengurangkan kes salah laku dalam kalangan warga pendidik.



The background of the top half of the page features a blue-tinted image of a ruler and a protractor. The ruler is positioned diagonally, showing markings in centimeters and millimeters. The protractor is also visible, with degree markings. The overall aesthetic is clean and professional, suggesting a focus on measurement and structure.

**BAB 4:  
MENGUKUHKAN  
STRUKTUR  
PERSEKOLAHAN**

**S**istem pendidikan negara sentiasa mengalami perubahan agar kekal terbaik dan setanding dengan negara maju dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti. Perkembangan dunia masa kini menuntut struktur pendidikan negara diperkukuh bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kreativiti, penerapan akidah serta moral dan kemahiran teknologi dan komunikasi.

Di samping itu, pendidikan berkualiti untuk semua merupakan asas lonjakan sistem pendidikan negara menelurusi arus perubahan dalam usaha menyediakan modal insan berpendidikan tinggi, berkeperibadian unggul, berkemahiran tinggi dan mudah dipasarkan di peringkat global.

Penstrukturan semula persekolahan bermaksud penyusunan semula daripada segi klasifikasi peringkat dan tempoh persekolahan yang akan direalisasikan melalui Model Baru Persekolahan. Model Baru Persekolahan akan dimantapkan lagi dengan memulakan kemasukan awal 5+ tahun ke sekolah rendah dan mengubah sistem penggal kepada Sistem Semester.

## Model Baru Persekolahan

Pengukuhan pendidikan menengah akan berlaku dengan menawarkan pendidikan yang komprehensif dan berkualiti kepada pelajar yang berumur antara 12+ hingga 17+ tahun. Penstrukturan semula sistem persekolahan akan menyediakan pendidikan menengah selama enam tahun. Pada peringkat ini, pilihan jurusan disediakan bagi membina kemahiran dan memenuhi keperluan murid mengikut potensi, bakat dan minat serta memperkembangkan sahsiah. Dengan itu, murid akan menguasai aliran pengkhususan berdasarkan bakat, minat dan kebolehan murid.

<b>Matlamat :</b>	Menyediakan struktur persekolahan yang mantap dan relevan bersesuaian dengan perkembangan pendidikan dan keperluan modal insan negara.
<b>Objektif :</b>	Menyediakan sistem persekolahan yang fleksibel dan relevan dengan keperluan semasa bagi melahirkan murid yang kreatif dan inovatif, dihapukaya dengan kemahiran abad ke 21.
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan kualiti sistem pendidikan setanding dengan amalan negara maju.

## Kemasukan Awal 5+

KPM bercadang memulakan kemasukan awal ke Tahun 1 pada umur 5+ tahun memandangkan tahap kesediaan kanak-kanak pada usia ini adalah tinggi. Data menunjukkan bahawa pada tahun 2009, lebih 700,000 orang murid telah mengikuti prasekolah yang merupakan jalan penghubung antara rumah dan alam persekolahan.

Disamping mencapai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M), murid juga mendapat kemahiran bersosialisasi dengan rakan sebaya. Hal ini akan memberikan pendedahan autentik tentang persekitaran dan pergaulan di alam persekolahan yang akan mempercepat proses pembelajaran di peringkat lebih tinggi.

## Sistem Semester

Pelaksanaan sistem semester di sekolah berfungsi sebagai satu sistem amaran awal yang dapat memberikan isyarat berkenaan tahap penguasaan dan potensi murid. Sistem semester ini mempunyai nilai tambah dan memberikan kelebihan kepada murid dan guru memantau tahap pencapaian dan merancang program intervensi yang sesuai bagi menangani kelemahan murid.

Pembelajaran akan lebih menyeronokkan kerana penilaian dan pentaksiran murid adalah secara berterusan dan berbentuk formatif. Fleksibiliti dalam pentaksiran ini akan menghasilkan pembelajaran autentik serta dapat membangunkan murid secara holistik.


Penstrukturan semula struktur persekolahan merupakan asas yang menjadi pemangkin kepada pencapaian hasrat pendidikan KPM bagi melahirkan murid yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani warganegara yang bertanggungjawab dan *global player* bagi meningkatkan daya saing negara di pentas dunia.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik mengukuhkan struktur persekolahan.



INISIATIF 3: MENGUKUHKAN STRUKTUR PERSEKOLAHAN				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Melaksanakan Pendidikan Prasekolah dan 12 Tahun (P-12)	Semua Bahagian KPM	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Meminda Akta Pendidikan 1996.</li> <li>Melaksanakan dasar pendidikan wajib sembilan (9) tahun, iaitu dari enam (6) tahun (Tahun 1 hingga Tahun 6) kepada sembilan (9) tahun (Tahun 1 hingga Tingkatan 3).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid berumur 5+ tahun mendapat pendidikan formal di peringkat rendah.</li> <li>Menyediakan sistem pendidikan berkualiti untuk semua.</li> </ol>
Melaksanakan Kemasukan Murid 5+ Tahun ke Tahun 1	Semua Bahagian KPM	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Merancang pertambahan bilik darjah, bengkel dan makmal sejajar dengan pertambahan enrolmen.</li> <li>Meningkatkan latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan guru bagi murid 5+ tahun.</li> <li>Mengkaji semula konsep latihan guru sekolah rendah (<i>generalist vs specialist</i>).</li> <li>Menubuhkan JK Bertindak bagi memantau kesediaan sekolah dan pelaksanaan inisiatif.</li> <li>Mengkaji kebolehlaksanaan kemasukan murid 5+ tahun ke Tahun 1.</li> </ol>	
Mengubah Sistem Persekolahan Berbentuk Penggal ke Sistem Semester	Semua Bahagian KPM	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menetapkan takwim persekolahan.</li> <li>Menyediakan kurikulum mengikut semester.</li> <li>Menyediakan aktiviti kokurikulum mengikut semester.</li> <li>Melaksanakan pentaksiran dan penilaian secara kumulatif.</li> <li>Merintis pelaksanaan penilaian kumulatif.</li> <li>Mengkaji kebolehlaksanaan sistem persekolahan berbentuk penggal ke bentuk semester.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid berumur 5+ tahun mendapat pendidikan formal di peringkat rendah.</li> <li>Meletakkan sistem pendidikan negara standing dengan amalan negara maju.</li> </ol>





A hand is shown writing mathematical formulas on a chalkboard. The formulas include binomial expansions such as  $(y+A)^2$ ,  $(y+A)^3$ , and  $(y+A)^4$ , along with a fraction  $\frac{a^2}{29}$ . The background is a dark chalkboard with white chalk writing.

**BAB 5:**  
**MEMANTAPKAN**  
**INFRASTRUKTUR INSTITUSI**  
**PENDIDIKAN KPM**

Dalam memastikan pembangunan pendidikan yang seimbang dan meningkatkan ekuiti dalam pendidikan, kemudahan infrastruktur merupakan satu elemen penting yang diberikan perhatian dalam perancangan pendidikan KPM. Kepentingan perancangan dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik tidak dapat dinafikan amat kritikal dalam menyokong kejayaan agenda pendidikan negara.

Hal ini merupakan perkara asas yang turut diberikan perhatian dalam Pelan Stategik Interim KPM 2011-2020. KPM akan memastikan setiap institusi pendidikan KPM mempunyai infrastruktur yang mencukupi dan selesa untuk membolehkan proses pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum yang berkesan.

Dalam inisiatif ini, tumpuan diberi terhadap usaha berterusan dan menyeluruh bagi memantapkan kemudahan fizikal dan infrastruktur institusi pendidikan KPM seluruh negara. Tiga (3) fokus utama KPM merangkumi perkara berikut:

- *Menyediakan kemudahan bangunan institusi pendidikan mengikut piawai berasaskan keperluan dan kesesuaian;*
- *Memastikan kemudahan fizikal bangunan pendidikan diselenggara untuk memenuhi piawai, keperluan dan kesesuaian; dan*
- *Memastikan bekalan air bersih dan elektrik di semua sekolah.*

Dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang, pembinaan sekolah baru dan bilik darjah tambahan akan terus dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan persekolahan di lokasi yang masih tidak mempunyai sekolah bagi memberi akses kepada pendidikan terutamanya di kawasan luar bandar.

Masih terdapat keperluan untuk mengurangkan kesesakan kelas iaitu maksimum 35 orang murid setiap kelas, terutama di bandar utama. Hal ini dilaksanakan bagi memastikan keselesaan murid. Usaha meningkatkan kualiti kemudahan fizikal di sekolah terutamanya yang telah beroperasi selama 30 tahun akan terus diberi tumpuan.

Hal ini merangkumi keperluan kemudahan tambahan/gantian seperti bilik darjah baru, makmal sains, bengkel kemahiran, perpustakaan dan bilik pentadbiran yang lebih selesa.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik memantapkan infrastruktur institusi pendidikan KPM.

<b>Matlamat :</b>	Memantapkan Infrastruktur Institusi Pendidikan KPM
<b>Objektif :</b>	Meningkatkan kemudahan fizikal dan kemudahan asas institusi pendidikan KPM.
<b>Outcome :</b>	Memastikan setiap murid termasuk murid berkeperluan khas disediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

KPM akan menyalurkan peruntukan secara berkala dalam jangka masa panjang bagi penyelenggaraan lebih sistematik kemudahan fizikal di institusi pendidikan KPM agar institusi ini sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Penyelenggaraan yang berjadual akan dapat menyumbang secara positif ke arah kelangsungan dan keutuhan kemudahan fizikal itu sendiri.

**KPM akan terus memberikan sokongan padu ke arah memastikan kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik ke sekolah terutamanya di kawasan pedalaman mengguna pakai sistem bekalan alternatif mengikut kesesuaian. Hal demikian adalah bagi menjamin kesejahteraan murid di luar bandar dan seterusnya menyumbang ke arah kementerian murid.**

INISIATIF 4 : MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR INSTITUSI PENDIDIKAN KPM				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Menyediakan Kemudahan Bangunan dan Infrastruktur Institusi Pendidikan Mengikut Piawai Berasaskan Keperluan dan Kesesuaian	BPPDP, BP, Agensi, JPN, BPPA	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti keperluan pembangunan institusi pendidikan KPM.</li> <li>2. Merancang dan melaksanakan pembinaan baru institusi pendidikan KPM, blok tambahan dan gantian.</li> <li>3. Menyelaras penubuhan prasekolah baru mengikut lokasi.</li> <li>4. Mereka bentuk bangunan sekolah yang menarik merangkumi bilik darjah, bilik guru, kuarters guru dan asrama.</li> <li>5. Menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang bersepadu dan berterusan di luar bandar dan pedalaman.</li> </ol>	Murid dapat belajar dalam suasana persekolahan yang selamat dan kondusif.
Memastikan Kemudahan Fizikal Bangunan Pendidikan Diselenggara untuk Memenuhi Piawai, Keperluan dan Kesesuaian	BPPA, BKew, JPN	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjalankan kajian keperluan penyelenggaraan sekolah.</li> <li>2. Menentukan mekanisme / kaedah pemberian peruntukan penyelenggaraan.</li> <li>3. Melaksanakan pemberian peruntukan penyelenggaraan sekolah dan penilaian.</li> <li>4. Mengubah suai dan menaik taraf bangunan bagi sekolah daif dan uzur berdasarkan dapatan audit fizikal.</li> </ol>	Murid dapat belajar dalam suasana persekolahan yang selamat dan kondusif.

## INISIATIF 4 : MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memastikan Bekalan Air Bersih dan Elektrik di Semua Sekolah	BP & BPPA	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjalankan kajian keperluan dan kaedah bekalan air bersih dan elektrik sekolah.</li> <li>2. Melaksanakan projek bekalan air bersih dan elektrik sekolah.</li> <li>3. Melaksanakan penyelenggaraan sistem bekalan air bersih dan elektrik secara berterusan.</li> </ol>	Murid dapat belajar dalam suasana persekolahan yang selamat dan kondusif.
Menyediakan Kemudahan Infrastruktur bagi Murid Berkeperluan Khas di Sekolah	BPPDP, BP, BPKhas, JPN	2011-2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengumpulkan maklumat taburan murid yang mempunyai kecacatan fizikal.</li> <li>2. Merancang dan melaksanakan pembinaan infrastruktur bagi murid berkeperluan khas di sekolah.</li> </ol>	Murid dapat belajar dalam suasana persekolahan yang selamat dan kondusif.







**BAB 6:  
MENTRANSFORMASIKAN  
KURIKULUM DAN  
KOKURIKULUM**

**T**ransformasi kurikulum dilaksanakan dengan melakukan perubahan kepada struktur dan organisasi kandungan, kemahiran serta nilai dalam kurikulum persekolahan kebangsaan peringkat rendah dan menengah supaya memenuhi keperluan abad ke-21 dan juga cabaran masa akan datang.

Transformasi ini melibatkan semua peringkat persekolahan dari prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Matlamat transformasi ini adalah untuk menyediakan kurikulum persekolahan kebangsaan yang berupaya membentuk warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi, mengamalkan nilai murni bertujuan melahirkan modal insan yang berdaya saing di peringkat global.

Transformasi kurikulum bertujuan memastikan kurikulum kebangsaan kekal relevan dalam usaha menyediakan guna tenaga yang dapat memenuhi keperluan industri dan pihak berkepentingan yang lain. Bagi tujuan ini, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dibentuk dan telah mula dilaksanakan pada 2010. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula dilaksanakan pada tahun 2011 bermula dengan murid Tahun 1.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2017 bermula dengan murid Tingkatan 1.

<b>Matlamat :</b>	Menyediakan kurikulum dan kokurikulum yang holistik dan seimbang bagi memperkembang kepelbagaian potensi individu untuk kemenjadian insan.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempertingkatkan kualiti kurikulum persekolahan kebangsaan sesuai dengan tuntutan dan keperluan semasa dan cabaran masa akan datang.</li> <li>2. Menyediakan kurikulum bagi pelaksanaan program kokurikulum sebagai langkah penyelarasan kepada struktur dan organisasi kokurikulum persekolahan kebangsaan</li> <li>3. Meningkatkan kualiti pemantauan, pelaporan dan penilaian program kurikulum dan kokurikulum kebangsaan.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Melahirkan murid yang menguasai kemahiran abad ke-21 iaitu berpengetahuan dan berupaya menjadi insan yang seimbang.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan menggantikan KBSM masih dalam proses penggubalan dan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat -peringkat bermula pada tahun 2017 bermula dengan murid Tingkatan 1.

KSSR dan KSSM digubal bagi memastikan murid dibekalkan ilmu yang relevan dengan kehendak serta keperluan masa akan datang seterusnya menjana suatu sistem pendidikan yang berkualiti. KSSR dan KSSM mengkategorikan disiplin ilmu dalam enam (6) tunjang. Setiap tunjang ini mempunyai penegasan dan fokus tersendiri. Fokus dalam setiap tunjang turut mempengaruhi kategori bidang ilmu yang relevan dengan keperluan tunjang-tunjang tersebut.

Transformasi kurikulum dan kokurikulum memperkenalkan konsep tunjang, iaitu satu bentuk pengklasifikasian bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang berfokus kepada pembentukan modal insan seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Enam (6) tunjang dikenal pasti mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan insan yang seimbang dan berpemikiran kreatif, kritis dan inovatif.

Enam (6) tunjang tersebut ialah tunjang Komunikasi, Sains dan Teknologi, Perkembangan Fizikal dan Estetika, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan serta Keterampilan Diri. Pendekatan enam (6) tunjang ini menggambarkan penstrukturan secara eksplisit tentang ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai murid.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik mentransformasikan kurikulum dan kokurikulum.

INISIATIF 5: MENTRANSFORMASIKAN KURIKULUM DAN KOKURIKULUM				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Melaksanakan KSSR	BPK, BBT, BPSH, JNJK, BPG, BPKhas, JPN, PPD, Sekolah	2011 dan berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Modul Teras Asas, Modul Teras Tema dan Modul Elektif di Tahap I.</li> <li>Melaksanakan KSSR sesuai dengan keperluan murid pendidikan khas</li> <li>Melaksanakan pakej baru mata pelajaran teras dan elektif bagi Tahap II.</li> <li>Memperluas penawaran mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di SK.</li> <li>Memugarkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Seni Muzik dan Pendidikan Seni Visual melalui pelbagai kaedah pengajaran.</li> </ol>	100% sekolah rendah melaksanakan KSSR mengikut spesifikasi standard kurikulum yang ditetapkan.
Melaksanakan KSSM	BPK, BBT, BPSH, JNJK, BPG, BPKhas, JPN, PPD, Sekolah	2017	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan pakej baru mata pelajaran teras dan elektif peringkat menengah rendah melalui KSSM.</li> <li>Memperkenalkan pakej baru mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif berdasar aliran di menengah atas melalui KSSM.</li> <li>Memugarkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Seni Muzik dan Pendidikan Seni Visual melalui pelbagai kaedah pengajaran.</li> </ol>	100% sekolah menengah melaksanakan KSSM mengikut spesifikasi standard kurikulum yang ditetapkan.

## INISIATIF 5: MENTRANSFORMASIKAN KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Melaksanakan Kursus Orientasi Kurikulum sebagai Persediaan Guru bagi Pelaksanaan KSSR dan KSSM serta Pelaksanaan Kokurikulum dalam KSSR dan KSSM	BPG, BPK,BKK, IPGM, JPN, PPD, Sekolah	2010 – 2017	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melatih JU KSSR mengikut mata pelajaran.</li> <li>2. Melaksanakan kursus orientasi kurikulum KSSR berdasarkan peluasan tahun persekolahan.</li> <li>3. Melatih JU KSSM mengikut mata pelajaran.</li> <li>4. Melaksanakan kursus orientasi kurikulum KSSM berdasarkan peluasan tingkatan persekolahan.</li> <li>5. Melatih JU Bidang Kokurikulum untuk SR dan SM.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 100% guru sekolah rendah bersedia melaksanakan KSSR menjelang 2016.</li> <li>2. 100% guru sekolah menengah bersedia melaksanakan KSSM menjelang 2021.</li> <li>3. 100% guru SR dan SM bersedia melaksanakan aktiviti kokurikulum menjelang 2021.</li> </ol>
Menyediakan Bahan Bantu Mengajar Mengikut Keperluan Kurikulum	BBT, BTP, BPK	2011 – 2018	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencetak buku teks mengikut senarai mata pelajaran berdasarkan kohort persekolahan.</li> <li>2. Menyediakan bahan multimedia mengikut senarai mata pelajaran berdasarkan kohort persekolahan.</li> <li>3. Menyediakan buku panduan guru untuk pemantapan p&amp;p mengikut senarai mata pelajaran berdasarkan kohort persekolahan.</li> <li>4. Menetapkan sasaran baru bagi program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 100% buku teks disediakan sebelum sesi persekolahan tahunan bermula.</li> <li>2. Peningkatan penyediaan bahan sumber pendidikan untuk p&amp;p.</li> </ol>

INISIATIF 5: MENTRANSFORMASIKAN KURIKULUM DAN KOKURIKULUM				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Meningkatkan Minat dan Penguasaan Sains dan Matematik	BPK, BPG, JNJK, BPSH, JPN, PPD, Sekolah	2011-2018	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menanda aras kurikulum Sains dan Matematik KSSR dan KSSM dengan kurikulum negara maju lain.</li> <li>Melaksanakan latihan peningkatan profesionalisme guru matematik dan sains sekolah rendah dan menengah.</li> <li>Menambah program pertandingan matematik dan sains di setiap peringkat pelaksana.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>100% murid sekolah rendah yang tidak mempunyai masalah pembelajaran mencapai standard kandungan kurikulum Matematik &amp; Sains Tahap I menjelang tahun 2013 dan tahun 2016 bagi Tahap II .</li> <li>100% murid sekolah menengah rendah yang tidak mempunyai masalah pembelajaran mencapai standard kandungan Matematik &amp; Sains menjelang tahun 2016.</li> <li>Peningkatan enrolmen murid dalam aliran sains di peringkat menengah atas.</li> </ol>
Membangunkan Kurikulum bagi Kegiatan Kokurikulum yang Menjurus kepada Bidang yang Diminati Secara Khusus sehingga ke Tahap Menguasai Pengetahuan dan Kemahiran yang Sesuai untuk Semua Golongan Murid	BKK, BPSH, IAB, IPGM, JNJK, JPN, PPD, Sekolah	2011 – 2016	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan kurikulum bagi aktiviti kokurikulum mengikut struktur dan organisasi aktiviti kokurikulum sedia ada.</li> <li>Meningkatkan bilangan perkhemahan aktiviti kokurikulum (pakaian seragam) di setiap peringkat – antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah, sekolah.</li> <li>Meningkatkan bilangan pertandingan aktiviti kokurikulum (kelab &amp; persatuan) di setiap peringkat – antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah, sekolah.</li> <li>Menyediakan konstruk pengiktirafan yang standard untuk penglibatan murid dalam kokurikulum di setiap peringkat penyertaan – antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah, sekolah.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan 100% kegiatan kokurikulum yang selaras dan berstruktur di semua sekolah.</li> <li>Penambahan kegiatan kokurikulum yang bersepadu dengan KSSR dan KSSM.</li> <li>100% murid sekolah rendah dan menengah mendapat pengiktirafan kegiatan kokurikulum berdasarkan tahap penglibatan yang berpandukan struktur yang standard.</li> </ol>









**BAB 7:  
MENTRANSFORMASIKAN  
PENTAKSIRAN**

**T**ransformasi pentaksiran ialah satu proses perubahan ke arah penambahbaikan kaedah penilaian murid sedia ada. Transformasi melibatkan perubahan kepada definisi, fokus, bentuk, ciri dan amalan kerja. Demi menjamin kualiti pendidikan yang menjurus kepada pembangunan modal insan 'minda kelas pertama', sistem peperiksaan sekarang perlu diperkukuh dengan memperluas konsepnya kepada pentaksiran. Pencapaian murid Malaysia dalam peperiksaan peringkat antarabangsa seperti *Trend in Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) menunjukkan bahawa sistem pentaksiran perlu berubah, satu proses penandaarasan kepada sistem pentaksiran perlu berlaku.

Dalam konteks pendidikan, pentaksiran telah dikonsepsikan semula sebagai integrasi proses mengumpul maklumat tentang perkembangan individu dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, memberi nilai kepada maklumat, menginterpretasi maklumat, membuat inferens, dan membuat keputusan tentang apa yang perlu dilakukan untuk memperbaiki pembelajaran individu berkenaan.

Justeru, transformasi pentaksiran membawa penghijrahan daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran yang holistik, seimbang, fleksibel, adil dan merujuk standard.

Fokus diberi kepada hasil pentaksiran yang berlaku di sekolah setiap hari. Gabungan hasil pentaksiran oleh pusat dan sekolah yang telah dirangka selari dengan matlamat pendidikan ini diberi nama Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK).

Pelaksanaan pentaksiran secara umum meliputi aktiviti perancangan, pembinaan instrumen dan garis panduan (manual), pentadbiran, penskoran (pemeriksaan), perekodan, pelaporan, analisis dan penjaminan kualiti. SPPK merupakan satu sistem pentaksiran murid yang holistik dan seimbang dari segi perkara yang ditaksir. Perkara yang ditaksir untuk menentukan kemenjadian murid mencakupi semua aspek pembangunan manusia.

Lima (5) kaedah iaitu Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, Pentaksiran Psikometrik dan Peperiksaan Pusat diketengahkan. Untuk berlaku adil, bentuk dan pentadbiran boleh disesuaikan mengikut keperluan kumpulan individu yang ditaksir. Standard prestasi murid yang dirujuk merupakan antara langkah penjaminan kualiti untuk memastikan ketepatan dan ketekalan pentaksiran yang dijalankan di peringkat sekolah.

<b>Matlamat :</b>	Menyediakan pentaksiran holistik, seimbang dan adil untuk perkembangan pelbagai potensi individu ke arah kemenjadian dan kebolehpasaran insan.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan pentaksiran yang mengumpulkan pelbagai maklumat.</li> <li>2. Menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul maklumat.</li> <li>3. Menyediakan pelaporan holistik tentang murid.</li> <li>4. Membudayakan teknologi dalam pentaksiran.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	SPPK mengurangkan kesan negatif sistem berorientasikan peperiksaan di samping memberi fokus dalam membudayakan pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran.

Melalui transformasi pentaksiran, hasil pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) bagi semua mata pelajaran yang ditaksir akan diiktiraf dan diambil kira dalam pelaporan atau pensijilan oleh agensi pusat. PBS bermaksud pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

PBS mempunyai dua (2) tujuan, sama ada untuk memantau perkembangan dan memberi maklum balas (formatif) atau untuk tujuan sumatif.

**SPPK berfungsi sebagai kayu pengukur kualiti pendidikan di Malaysia. Harapan yang diletakkan melalui sistem pentaksiran ini ialah pembentukan budaya generasi muda Malaysia yang bukan hanya cemerlang daripada segi pencapaian akademik, tetapi juga sikap, karakter, produktiviti dan mutu kerja, seterusnya mampu memimpin negara ke status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.**


Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik mentransformasikan pentaksiran.


**INISIATIF 6: MENTRANSFORMASIKAN PENTAKSIRAN**

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
<b>Melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK)</b>	LP, BPK, BPG, IPG	2020	1. Mempelbagaikan kaedah pentaksiran untuk mengumpulkan maklumat tentang profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid menggunakan lima kaedah secara berperingkat-peringkat: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pentaksiran Sekolah</li> <li>b. Pentaksiran Pusat</li> <li>c. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum</li> <li>d. Pentaksiran Psikometrik</li> <li>e. Peperiksaan Pusat</li> </ul> 2. Mengadakan pentaksiran alternatif mengikut keperluan kumpulan murid yang dikenal pasti.	1. Peluasan pelaksanaan PBS untuk mengumpul maklumat tentang profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid dalam aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. 2. Penandaarasan sistem pentaksiran selaras dengan sistem penilaian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA
		2016	3. Mengukuhkan PBS yang merujuk kepada standard yang diiktiraf di dalam dan di luar negara.	
		2016	4. Menetapkan standard prestasi yang meliputi penguasaan pengetahuan, kemahiran dan adab dalam tingkah laku murid.	
		Berterusan	5. Mengukuhkan penyelarasan, pemantauan, pengesanan dan pementoran sebagai jaminan kualiti PBS. 6. Memperbanyak penataran, latihan serta pentauliahan kepada personel utama dan pelaksana pentaksiran.	

## INISIATIF 6: MENTRANSFORMASIKAN PENTAKSIRAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) (sambungan)		Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>7. Memantapkan kualiti peperiksaan pusat.</li> <li>8. Meningkatkan penyelidikan sebagai asas pemantapan konsep dan pelaksanaan SPPK.</li> </ol>	
Mengintegrasikan Teknologi dalam Amalan Pentaksiran		Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengoperasikan sistem TMK untuk tujuan penghasilan instrumen, pengurusan dan pemprosesan data, pelaporan prestasi mengikut standard, pangkalan data dan perkongsian maklumat.</li> <li>2. Melibatkan lebih ramai guru dalam penghasilan item pentaksiran dengan bantuan teknologi.</li> <li>3. Menaik taraf sistem dan prasarana TMK untuk meningkatkan kecekapan pengurusan data dan pengoperasian kerja pentaksiran di LP, JPN dan PPD.</li> </ol>	





**BAB 8:  
MEMARTABATKAN  
BAHASA MALAYSIA  
MEMPERKUKUH  
BAHASA INGGERIS**



**Matlamat** mewujudkan masyarakat yang menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah antara fokus baru dalam sistem pendidikan negara. Fokus kepada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan menjanakan daya saing bangsa hingga ke peringkat dunia. Matlamat ini selaras dengan pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Memartabatkan bahasa Malaysia bermaksud meletakkan bahasa Malaysia pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Malaysia juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Tujuan utama memartabatkan bahasa Malaysia adalah untuk mengembalikan peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia.

Manakala tujuan utama untuk memperkuh bahasa Inggeris adalah untuk membolehkan penerokaan pelbagai ilmu dan bersaing di peringkat nasional serta global. Hal sedemikian kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai dengan baik dan berkesan.

<b>Matlamat :</b>	Melahirkan murid yang fasih dan yakin menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan penguasaan murid dalam BM dan BI.</li> <li>2. Menyediakan guru BM dan BI mengikut opsyen yang mencukupi dan meningkatkan kompetensi guru BM dan BI.</li> <li>3. Meningkatkan infrastruktur dan bahan sokongan dalam p&amp;p BM dan BI.</li> <li>4. Meningkatkan penggunaan BM dan BI dalam aktiviti luar bilik darjah.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan penguasaan murid dalam BM dan BI pada tahap tinggi.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* inisiatif strategik Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuh Bahasa Inggeris.

## INISIATIF 7: MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Mentransformasikan Kurikulum Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	BPK, BBT, JNJK, JPN	2016	1. Melaksanakan Kurikulum Modular SR dan SM.	1. Murid boleh menguasai kemahiran asas berbahasa.
	BPK, BBT, JNJK, JPN	2011 - 2020	2. Melaksanakan Komponen Sastera (KOMSAS) dalam BM & BI.	2. Murid boleh bertutur dan menulis dengan bahasa yang betul. 3. Guru menggunakan <i>Standard British English</i> sebagai panduan dalam p&p daripada segi sebutan, penulisan dan tatabahasa.
	BPK, BPG, JNJK, JPN, PPD	2010 - 2012	3. Melaksanakan Program LINUS.	4. Meningkatkan minat murid dengan mewujudkan suasana p&p yang lebih menyeronokkan melalui aktiviti nyanyian, berpantun dan bercerita. 5. Murid minat membaca bahan sastera dan dapat menghasilkan penulisan karangan yang lebih kreatif. 6. Murid menguasai kemahiran 2M (literasi).
Memantapkan Kompetensi Guru BM dan BI	BPG, IPGM, BPK, BPKhas, JPN, PPD, Sekolah	2016 - 2020	1. Melaksanakan program latihan guru bukan opsyen. a. Melaksanakan KPKI Peningkatan Profisiensi Guru BI - 12 hari. b. Melaksanakan <i>Program Certificate in the Practice of English Language Teaching (C-PELT)</i> - 14 minggu. c. Melaksanakan <i>Program Reinforcing English Language Proficiency for Non-Option Teachers (RELP NOTe)</i> - 6 minggu.	1. Meningkatkan tahap kualiti latihan guru. 2. Meningkatkan tahap kualiti p&p. 3. Meningkatkan tahap kompetensi guru.

## INISIATIF 7: MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memantapkan Kompetensi Guru BM dan BI (sambungan)			2. Melaksanakan program memantapkan pedagogi guru BM dan BI. <ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Kursus dalam Perkhidmatan 4 Minggu.</li> <li>Melaksanakan Latihan Peningkatan Profesionalisme mode KPPI.</li> <li>Memantapkan dasar penempatan guru mengikut opsyen.</li> <li>Memantapkan sistem data EMIS untuk penempatan guru mengikut opsyen.</li> </ol>	
Menempatkan Guru BM dan BI Mengikut Opsyen	BPSH, JPN, PPD	2014	1. Melaksanakan penempatan semula guru opsyen BM dan BI.	P&P BM dan BI yang berkualiti.
		2020	2. Memantapkan dasar penempatan guru mengikut opsyen. 3. Memantapkan sistem data EMIS untuk penempatan guru mengikut opsyen.	Pangkalan data guru BM dan BI yang lengkap.
Menggunakan Khidmat Penutur Jati dan Guru Kontrak	BPSM, BPK, BPSH, JPN, PPD	2013	1. Menggunakan khidmat guru penutur jati BI.	P&P BM dan BI yang berkualiti.
		2018	2. Menggunakan khidmat guru BI bersara secara kontrak.	
Memperluas Penggunaan Bahan dan TMK dalam p&p BM dan BI	BTP, JPN, PPD	2011 - 2020	1. Menyediakan buku teks, bahan sokongan dan buku sumber digital (maya). 2. Meningkatkan peralatan TMK di semua makmal bahasa sekolah.	Guru BI menggunakan bahan rujukan dan sampel rancangan pengajaran yang disediakan secara dalam talian untuk p&p.

## INISIATIF 7: MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memperluas Publisiti dan Kempen Pengukuhan Bahasa	BPPDP, UKK, JPN, PPD	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memperluas aktiviti penyebaran maklumat MBMMBI.</li> <li>Meningkatkan maklum balas positif dan sokongan awam.</li> </ol>	Publisiti menyeluruh dalam kalangan masyarakat akan meningkatkan kesedaran mewujudkan persekitaran / penggunaan bahasa yang betul.
Meningkatkan Penyertaan Murid dalam Aktiviti Bahasa di Luar Kelas	BPPDP, BPSH, BKK, BSukan, BPSwasta, JPN, PPD	2012	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan jawatankuasa pemantau bahasa komunikasi murid di luar bilik darjah.</li> </ol>	Meningkatkan penguasaan dan penggunaan BM dan BI yang betul.
		2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan penyertaan wajib murid dalam aktiviti pengucapan awam.</li> </ol>	Murid dapat menyertai aktiviti bahasa dengan sistematik dan terancang bagi mengimbangi tumpuan kepada akademik.
		2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memantapkan pelaksanaan program bahasa di luar bilik darjah.</li> </ol>	Mewujudkan budaya penggunaan BM dan BI yang betul dalam aktiviti luar bilik darjah.
		2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan penggunaan BM di sekolah swasta/ antarabangsa.</li> </ol>	Meningkatkan penguasaan dan penggunaan BM dan BI yang betul di sekolah swasta.
		2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memperluas kerjasama pintar dengan agensi luar dalam aktiviti bahasa.</li> </ol>	
Melaksanakan Pentaksiran dan Pelaporan Keperihal Pencapaian Murid	LP, JPN, PPD, Sekolah	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan pelaporan rujukan standard pencapaian murid.</li> <li>Memantapkan ujian lisan BM dan BI.</li> <li>Menubuhkan Majlis Standard Kualiti Bahasa Ingggris bagi melaksanakan penarafan standard pembelajaran BI dalam kalangan murid di sekolah.</li> </ol>	Meningkatkan penguasaan kefasihan dan keyakinan BM dan BI murid.





**BAB 9:**  
**INOVASI DAN KREATIVITI**

**“Matlamat kita adalah untuk menjadikan pendidikan berkualiti sebagai landasan untuk melahirkan modal insan yang kreatif, yang inovatif dan yang berkemahiran tinggi yang sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara melalui peningkatan kualiti modal insan yang dilahirkan oleh sistem pendidikan kita. Dalam model ekonomi baharu kejayaan untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu bagi menjana kekayaan negara merupakan faktor yang kritikal, yang akan menentukan kemajuan dan kemakmuran masa depan negara”.**

**YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji  
Mohd Yassin, 2010**

**T**ahun 2010 telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai tahun inovasi dan kreativiti. Penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti terutama di peringkat nasional amat penting kerana ini menggalakkan daya saing negara dan menyedarkan masyarakat Malaysia terutama generasi muda mengenai pentingnya inovasi dan kreativiti, dan seterusnya membudayakannya sebagai amalan seharian. Bagi membudayakan inovasi dan kreativiti ini, inovasi perlu difahami dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat dalam pelbagai bidang kepakaran masing-masing. Bagi mewujudkan pusat pendidikan yang cemerlang dan mampu untuk terus relevan pada era globalisasi serta berdaya saing, KPM perlulah menyediakan modal insan yang lebih inovatif dan kreatif serta berupaya menghasilkan idea baru ke arah kecemerlangan dan melaksanakan penambahbaikan berterusan.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan, inisiatif inovasi dan kreativiti diwujudkan sebagai salah satu strategi dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020. Hal ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu agar dapat menganjak diri ke kedudukan yang terkehadapan. Strategi ini adalah untuk melahirkan murid yang inovatif dan kreatif dengan kemahiran dan pengetahuan terkini.

<b>Matlamat :</b>	Melahirkan murid yang inovatif dan kreatif dengan kemahiran dan pengetahuan terkini.
<b>Objektif :</b>	Pembudayaan inovasi dan kreativiti di institusi pendidikan.
<b>Outcome :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.</li> <li>2. Meningkatkan daya inovasi dan kreativiti warga pendidik.</li> </ol>

Dalam usaha untuk mencapai matlamat inisiatif ini, KPM telah mencadangkan empat (4) pelan tindakan berikut:

- *memperluas penggunaan TMK;*
- *memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di sekolah kebangsaan;*
- *mengukuhkan perkongsian pintar; dan*
- *memacu sekolah kluster dan sekolah berprestasi tinggi sebagai sekolah inovatif.*

Elemen pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam kalangan pendidik dan pengurus pendidikan memerlukan perekaasaan program pembangunan sumber manusia di KPM. Melalui program tersebut, penerapan budaya inovasi dan kreativiti akan meningkatkan nilai keterbukaan, berfikir kritikal dan berani mencuba dalam kalangan pendidik dan pengurus pendidikan.

Dengan terbentuknya nilai berkenaan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan untuk meningkatkan prestasi murid dapat dilaksanakan dengan efektif.


Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik inovasi dan kreativiti.



INISIATIF 8 : INOVASI DAN KREATIVITI				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memperluas Penggunaan TMK	BTP, BPM	Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menambah baik kemudahan TMK untuk pelaksanaan p&amp;p.</li> <li>2. Mempergiatkan aktiviti inovasi dalam p&amp;p melalui TMK.</li> </ol>	Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.
Memperkasakan Budaya Inovasi dan Kreativiti di SK	BPPDP, BKP	2013	Penataran dasar inovasi kebangsaan.	Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.
	BPSH, JPN	Berterusan	Pengiktirafan terhadap keupayaan dan hasil inovasi	
	BPSH	Berterusan	Karnival dan Pertandingan "Young Malaysian Inventor's Challenge"	
	BKew	Berterusan	Peruntukan khas inovasi yang berterusan.	
Mengukuhkan Perkongsian Pintar	BPSH	Berterusan	Perkongsian sumber untuk program inovasi dengan IPTA/IPTS.	Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.
	BPSH, JPN, PIBG	Berterusan	Penglibatan ibu bapa dalam pertandingan "Keluarga Berinovasi".	
	BPSH, JPN, PIBG	Berterusan	Khidmat kepakaran inovasi sekolah dan komuniti.	

### INISIATIF 8 : INOVASI DAN KREATIVITI

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memacu Sekolah Kluster dan Sekolah Berprestasi Tinggi sebagai Pusat Inovasi	BPSBPSK	Berterusan	Meningkatkan kualiti dan memberi autonomi kepada sekolah untuk bekerjasama dalam meningkatkan elemen inovasi dan kreativiti di sekolah-sekolah lain.	Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.
	BPSBPSK	Berterusan	Meningkatkan penyertaan murid dalam program inovasi dan kreativiti di peringkat antarabangsa.	Murid mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan terkini.
	JNJK	Berterusan	Memantau prestasi sekolah melalui <i>School Improvement Program</i> (SIP).	





**BAB 10:  
MENGARUSPERDANAKAN  
PENDIDIKAN VOKASIONAL**

Untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia perlu memesatkan pembangunan modal insan berkualiti dan bertaraf dunia. Hal ini penting kerana banyak negara maju telah mengamalkan dasar yang komprehensif dan progresif dalam membangunkan modal insan yang berkemahiran serta berdaya saing untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

Justeru, peningkatan kemahiran secara radikal perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran dengan fokus utama untuk mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan vokasional yang berkualiti.

Pendidikan vokasional di bawah institusi pendidikan KPM meletakkan matlamat mencapai penambahan bekalan modal insan berkemahiran melalui penyediaan pendidikan berkualiti kepada murid yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang vokasional.

**Sehubungan itu, transformasi pendidikan vokasional menjurus kepada mencungkil bakat serta mengembangkan potensi murid mengikut keupayaan dan minat melalui penekanan bidang vokasional yang menjadi permintaan di pasaran kerja pada masa ini. Pengarusperdanaan pendidikan vokasional mampu menjanakan bakat-bakat yang kreatif dan inovatif serta membantu ke arah mempercepat proses melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai nilai-nilai insaniah, kebolehpasaran dan kemahiran yang mencapai standard dunia.**

<b>Matlamat :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengembangkan bakat dan potensi murid bagi melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing.</li> <li>2. Melahirkan tenaga kerja separa mahir untuk memenuhi keperluan negara dan industri.</li> <li>3. Menyediakan peluang ke arah peningkatan profesionalisme.</li> </ol>
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan standard dan kompetensi.</li> <li>2. Mendapat pengiktirafan industri tempatan dan antarabangsa.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan enrolmen kepada 20% menjelang 2015.


Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik mengurusperdanakan pendidikan vokasional.

INISIATIF 9: MENGARUSPERDANAKAN PENDIDIKAN VOKASIONAL				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Menyediakan Kurikulum Pendidikan Vokasional Berasaskan Industri	BPTV, BPK	2011-2013	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Kurikulum Pendidikan Asas Vokasional.</li> <li>Melaksanakan Kurikulum Kolej Vokasional.</li> </ol>	Menghasilkan Kurikulum berasaskan industri dan diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM.
Membangunkan Institusi Pendidikan Vokasional	BPTV	2011-2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan Program Pendidikan Asas Vokasional.</li> </ol>	900 buah SMK menawakan PAV.
	BPTV	2011-2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia.</li> </ol>	88 buah KV KPM ditubuhkan.
	BPTV	2013-2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Kolej Vokasional Agensi Awam Lain.</li> </ol>	100 buah ILKA menawar program vokasional KV KPM.
Mempertingkatkan Usaha Kolaboratif dengan Rakan Strategik dalam Industri	BPTV, BPemb, NKEA	2012-2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Kolej Vokasional (Swasta) Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta.</li> </ol>	86 buah Kolej Vokasional (Swasta) ditubuhkan
	BPTV, JPK dan agensi yang berkaitan	Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Majlis Penasihat Pendidikan Vokasional Kebangsaan.</li> </ol>	Melahirkan murid yang mempunyai kebolehpasaran.
Menyediakan Mekanisme Pentaksiran yang Menjurus kepada Pentauliahan dan Pengiktirafan Lulusan Pendidikan Vokasional	LP, JPK	2011-2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan pentaksiran berasaskan standard kompetensi vokasional.</li> </ol>	Sijil/Diploma yang dikeluarkan oleh LP diiktiraf oleh industri.
Mempertingkatkan Daya Upaya Organisasi Pendidikan Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia	BPTV, BPSM, JPA	2011-2013	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan Sektor Pendidikan Teknik dan Vokasional.</li> </ol>	Sektor Pendidikan Teknik dan Vokasional diwujudkan dalam struktur organisasi KPM.
	IPG Teknik, BPTV, BPG	2011-2012	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memperkasakan sumber manusia pendidikan vokasional menerusi latihan.</li> </ol>	Melahirkan guru yang berkemahiran SKM Tahap 5 bagi KV dan SKM Tahap 3 bagi PAV.

## INISIATIF 9: MENGARUSPERDANAKAN PENDIDIKAN VOKASIONAL

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Mempertingkatkan Daya Upaya Organisasi Pendidikan Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia (sambungan)	BPTV, BSM, JPA	2011-2020	3. Memperkasakan sumber manusia pendidikan vokasional menerusi penambahbaikan skim perkhidmatan.	







**BAB 11:  
PENDIDIKAN AWAL  
KANAK-KANAK**

Sebagai modal insan yang sangat bermakna kepada masa depan negara, Pendidikan Awal Kanak-Kanak ialah satu bidang yang sangat penting bagi memastikan *outcome* daripada pendidikan tersebut mencapai piawaian modal insan yang berkualiti. Pendidikan Awal Kanak-Kanak merupakan asas kepada permulaan pendidikan formal bagi seseorang murid.

Program Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri telah banyak memberikan kesan dan perubahan yang membanggakan kepada kepentingan pendidikan prasekolah di negara kita. Untuk itu, pendidikan asas yang kukuh perlu disediakan kepada kanak-kanak di negara ini.

Atas kesedaran tersebut, NKRA bidang pendidikan telah memberikan fokus kepada memperluas akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Sementara NKEA pula berperanan menyokong pelaksanaan NKRA dengan memberikan tumpuan kepada peluasan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah oleh pihak swasta.

Pada masa ini agensi yang mengendalikan Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak adalah Jabatan Perdana Menteri. Manakala, bagi Pendidikan Prasekolah juga adalah tanggungjawab bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta agensi swasta lain. Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai satu inisiatif dalam Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 merangkumi dua (2) kategori iaitu Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak serta Pendidikan Prasekolah. Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak adalah bagi kanak-kanak yang berusia 0 tahun hingga 4 tahun. Manakala, Pendidikan Prasekolah adalah bagi kanak-kanak yang berusia 4+ tahun hingga 5+ tahun.

<b>Matlamat :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperluas peluang pendidikan awal kepada semua kanak-kanak berusia di bawah 4 tahun supaya bersedia daripada aspek sosioemosi, intelek dan jasmani.</li> <li>2. Memperluas peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak supaya bersedia daripada aspek sosioemosi, intelek dan jasmani untuk ke Tahun 1.</li> </ol>
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberikan peluang pendidikan terbaik kepada kanak-kanak seawal mungkin supaya negara dapat melahirkan insan yang berkualiti.</li> <li>2. Memberikan pendidikan yang berkualiti kepada semua kanak-kanak tanpa mengira bangsa dan lokasi penempatan mereka.</li> <li>3. Memastikan semua kanak-kanak telah bersedia untuk menghadapi cabaran alam persekolahan di sekolah rendah.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan semua kanak-kanak telah dilengkapi dengan nilai intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial apabila mereka melangkah ke Tahun 1.</li> </ol>

Semua kanak-kanak yang disasarkan untuk mengikuti Pendidikan Awal Kanak-kanak ini merangkumi kanak-kanak normal dan kanak-kanak dengan keperluan khas.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik pendidikan awal kanak-kanak.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk memberi peluang kepada semua kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan berkualiti seawal usia. Bagi memenuhi matlamat tersebut, perancangan yang melibatkan peluasan kelas, latihan guru dan Pembantu Pengurusan Murid, serta perancangan program dan kemudahan infrastruktur diambil kira dalam inisiatif ini.

INISIATIF 10: PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memastikan Semua Kanak-kanak di Bawah Umur 4 Tahun Mendapat Pendidikan Awal yang Berkualiti	BPPDP, PUU	2011	1. Memasukkan peruntukan klausa PERMATA Negara ke dalam AKTA Pendidikan 1996 (AKTA 550) dan menggubal Akta Taman Asuhan 1996.	Meningkatkan peratus enrolmen kanak-kanak ke Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak.
	BPSH	2011	2. Menyediakan Buku Garis Panduan Program PERMATA Negara.	
	BPSH, BP, BPPA	2011 – 2015	3. Menambah bilangan pusat asuhan dan didikan kanak-kanak.	
	IPG, BPG, BPPDP, BPSM	2011 – 2015	4. Melatih Pendidik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK).	
	BPSH, JNJK	2011 – 2015	5. Memastikan Kurikulum PERMATA Negara digunakan sepenuhnya.	
	BPG, IPG	2020	6. Menaik taraf kelayakan akademik minimum pendidikan kepada diploma.	
Memastikan Semua Kanak-kanak Berusia di antara 4 dan 6 Tahun Mendapat Pendidikan Prasekolah yang Berkualiti	KPM, KEMAS, JPNIN, Swasta	2010 – 2020	1. Memperluas akses kepada Pendidikan Prasekolah di kawasan berkeperluan. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menambah pembukaan kelas prasekolah baru.</li> <li>b. Memastikan bilangan guru beropsyen prasekolah dan Pembantu Pengurusan Murid mencukupi.</li> </ul>	Memastikan semua kanak-kanak telah dilengkapi dengan nilai intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial apabila mereka melangkah ke Tahun 1.

## INISIATIF 10: PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
		2010 – 2020	2. Menakrif standard kualiti pendidikan prasekolah. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menatar kaedah Pentaksiran Autentik.</li> <li>b. Melaksanakan Pentaksiran Autentik.</li> <li>c. Menetapkan standard pencapaian murid prasekolah.</li> <li>d. Menyemak dan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.</li> <li>e. Membina satu sistem data yang tepat, betul dan mudah capai.</li> <li>f. Melaporkan dapatan Pentaksiran Autentik.</li> </ul>	
		2010 – 2020	3. Melaksanakan Intervensi dan Rehabilitasi bagi kanak-kanak berkeperluan khas. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melatih lebih ramai personel dalam bidang terapi.</li> <li>b. Menyediakan perkhidmatan terapi terhadap murid berkeperluan khas secara berkala.</li> </ul>	
Memastikan Persekitaran Pembelajaran yang Kondusif dan Menyokong Perkembangan Sosioemosi, Intelek dan Jasmani	BPSH, BPPA, BP, BPKhas	2010 – 2020	1. Memastikan pembangunan infrastruktur mengikut spesifikasi. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Membekalkan kemudahan fizikal mengikut spesifikasi standard.</li> <li>b. Mengganti perabot dan peralatan rosak mengikut spesifikasi standard</li> <li>c. Menyediakan peralatan dan bahan p&amp;p yang mengikut spesifikasi.</li> </ul>	





**BAB 12:**  
**PENDIDIKAN INKLUSIF**



**S**alah satu aspek yang ditekankan dalam pendemokrasian pendidikan ialah akses kepada pendidikan kepada semua selaras dengan Perkara 28 (1) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak iaitu:

“Kanak-kanak mempunyai hak terhadap pendidikan, dan menjadi kewajipan negara untuk memastikan bahawa pendidikan utama percuma dan wajib, menggalakkan pendidikan menengah dalam berbagai bentuk yang mudah diperolehi oleh setiap kanak-kanak dan untuk menjadikan pendidikan tinggi diadakan kepada semua atas dasar keupayaan.”

Justeru, salah satu usaha KPM adalah untuk memberikan Pendidikan Inklusif kepada murid berkeperluan khas dan kanak-kanak terpinggir tanpa mengira golongan dan latar belakang murid tersebut. Pendidikan Inklusif ialah pendidikan menyeluruh yang didasari semangat terbuka dan melibatkan semua kanak-kanak. Falsafah yang mendasari pendidikan inklusif ialah keyakinan bahawa setiap kanak-kanak, baik yang mempunyai gangguan perkembangan fizikal/mental, cerdas/bakat istimewa dan kanak-kanak terpinggir berhak untuk memperoleh pendidikan seperti kanak-kanak normal yang lain dalam lingkungan yang sama.

Secara amnya Pendidikan Inklusif bermakna bahawa kanak-kanak yang normal atau kanak-kanak yang dinilai berkeperluan khas dan kanak-kanak terpinggir selayaknya dididik

bersama-sama dalam situasi yang seragam. Hal demikian bermakna, mereka tidak mengejar kemampuan akademik semata-mata, tetapi mereka juga belajar tentang kehidupan itu sendiri.

Di bawah inisiatif ini, Pendidikan Inklusif diterjemahkan dalam bentuk memperluas pendidikan khas dan pendidikan alternatif dijadikan titik tolak untuk meningkatkan potensi diri individu menjadi modal insan yang dapat berdikari dan memanfaatkan kebolehan mereka untuk kesejahteraan diri, keluarga, komuniti dan negara.

<b>Matlamat :</b>	Meningkatkan potensi diri individu murid agar menjadi modal insan yang dapat berdikari dan memanfaatkan keupayaan dan kebolehan ke arah kehidupan bermakna untuk kesejahteraan diri, keluarga, komuniti dan negara.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan potensi diri individu murid-murid.</li> <li>2. Meningkatkan kompetensi asas pendidikan khas dalam kalangan guru pendidikan khas.</li> <li>3. Meningkatkan peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak terpinggir tanpa mengira kewarganegaraan.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan potensi diri setiap murid dalam pelbagai bidang.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik Pendidikan Inklusif.


## INISIATIF 11: PENDIDIKAN INKLUSIF

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Mengesan Murid Berkeperluan Khas dan Mendaftar ke dalam Sistem Pendidikan	BPKhas, BPSH, BPPDP	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mendaftarkan semua kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah dan PPKI sebagai murid berkeperluan khas.</li> <li>Mempergiat program seperti <i>outreach</i>, pencarian dalaman dan promosi serta memantapkan pelaksanaan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK).</li> <li>Menambah bilangan Program Pendidikan Khas.</li> <li>Menambah bilangan guru dan pegawai pakar dalam program dan menaiktaraf infrastruktur sedia ada.</li> </ol>	Peningkatan pendaftaran murid berkeperluan khas dalam sistem pendidikan pada kadar 20% setiap tahun.
Meningkatkan Kadar Penyertaan Murid Berkeperluan Khas Secara Inklusif di Sekolah	BPKhas, BPSH, BPPDP	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan kaedah pelaksanaan dan kriteria murid yang perlu diinkluskasikan.</li> <li>Memberi pengiktirafan kepada sekolah yang melaksanakan program Inklusif terbaik.</li> <li>Meningkatkan kefahaman dan tanggungjawab kepada pihak sekolah tentang konsep penglibatan sekolah secara menyeluruh.</li> <li>Mewujudkan dasar 1 sekolah rendah dan 1 sekolah menengah yang mesra murid berkeperluan khas di setiap daerah.</li> </ol>	Kadar penyertaan murid berkeperluan khas secara inklusif di sekolah meningkat daripada 7.5% kepada 30.0%.

INISIATIF 11: PENDIDIKAN INKLUSIF				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Meningkatkan Pencapaian Setiap Murid Berkeperluan Khas Berdasarkan Potensi Individu ke Arah Kehidupan Bermakna	BPKhas, BPTV	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan kefahaman para guru dan ibu bapa tentang penggunaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) kepada semua kategori murid berkeperluan khas.</li> <li>2. Menempatkan murid berkeperluan khas di Institut Latihan Kemahiran Awam seperti Kolej Komuniti, GiatMARA dan institusi di bawah kelolaan kementerian lain.</li> <li>3. Melaksanakan Program Transisi Kerjaya.</li> <li>4. Meningkatkan bilangan murid berkeperluan khas dalam latihan kemahiran vokasional selaras dengan Transformasi Pendidikan Vokasional.</li> <li>5. Meningkatkan kemudahan untuk murid berkeperluan khas dalam latihan kemahiran, seperti mengadakan Sekolah Model Khas Komprehensif (K-9) dengan menaik taraf Sekolah Pendidikan Khas sedia ada</li> </ol>	
Mempertingkatkan Penguasaan Kompetensi Asas Pendidikan Khas Guru Mengikut Standard yang Ditetapkan	BPKhas, BPG, IPGM, BPK	2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan siri latihan dalam p&amp;p kepada guru-guru pendidikan khas mengikut kategori kecacatan murid.</li> <li>2. Meningkatkan keyakinan dan motivasi diri guru dalam menangani murid-murid berkeperluan khas.</li> </ol>	Jumlah guru yang menguasai kompetensi asas pendidikan khas mengikut standard ditetapkan meningkat.

## INISIATIF 11: PENDIDIKAN INKLUSIF

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Mempertingkatkan Penguasaan Kompetensi Asas Pendidikan Khas Guru Mengikut Standard yang Ditetapkan (sambungan)			<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Memperkemas kemahiran guru dalam pengajaran secara individu mengikut keperluan murid.</li> <li>4. Memperkemas kemahiran guru dalam pengajaran secara individu mengikut keperluan murid.</li> </ol>	
Memperluas Pendidikan Alternatif kepada Kanak-kanak Terpinggir	BPPDP, BPSwasta, Agensi Kerajaan Lain, Swasta, NGO	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan bilangan pusat bimbingan pendidikan alternatif bagi kanak-kanak terpinggir.</li> <li>2. Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam menyediakan peluang pendidikan kepada kanak-kanak terpinggir.</li> <li>3. Mengkaji semula syarat penarafan band SK Orang Asli dan SK Pendidikan Khas berbanding dengan sekolah aliran perdana.</li> </ol>	Jumlah kanak-kanak terpinggir yang mendapat pendidikan meningkat.





**BAB 13:**  
**1MURID 1SUKAN**

**D**asar satu murid menyertai sekurang-kurangnya satu sukan dilaksanakan mulai tahun 2011. Pelaksanaan dasar ini telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 17 Mac 2010 dalam Mesyuarat Pembangunan Sukan.

Dasar 1 Murid 1 Sukan merupakan usaha KPM menggalakkan penyertaan aktif setiap murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan khususnya bagi murid-murid yang kurang atau tidak aktif dalam sukan agar dapat melahirkan modal insan yang sihat, cergas dan berdaya saing. Dasar ini juga melengkapi usaha membangunkan sukan untuk kecemerlangan. Di samping itu, dasar 1 Murid 1 Sukan ini juga menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Aktiviti sukan di sekolah merupakan satu landasan yang dapat mendorong murid ke arah budaya hidup aktif dan sihat di samping menggalakkan mereka ke arah kecemerlangan sukan melalui program-program sukan berprestasi tinggi. Pembangunan sukan sekolah dapat melahirkan atlet murid berbakat dan berpotensi dan seterusnya dapat melahirkan jaguh sukan negara. Tidak dapat dinafikan bahawa titik permulaan seseorang atlet negara ke persada antarabangsa adalah daripada penglibatan awal mereka dalam sukan di peringkat sekolah lagi.

**Sukan juga dapat dilihat sebagai medium yang berupaya menjana ekonomi negara. Penglibatan atlet negara di persada antarabangsa bukan sahaja mengharumkan nama negara bahkan setiap kejayaan yang dicapai meningkatkan imej negara seterusnya mampu melonjakkan industri pelancongan bagi menyemarakkan ekonomi Malaysia melalui pengiklanan dan promosi negara.**

Di Malaysia, peningkatan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak berumur 7-10 tahun adalah di antara 6.6 peratus hingga 13.8 peratus. Sebanyak 12.8 peratus daripada masalah obesiti tersebut ialah dalam kalangan kanak-kanak lelaki. Masalah obesiti ini juga semakin ketara dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun. Kanak-kanak yang mengalami masalah kegemukan berisiko untuk menjadi obes apabila dewasa dan keadaan ini akan menjurus kepada kewujudan masalah kesihatan kronik pada masa hadapan.

Justeru, penglibatan murid dalam sukan di sekolah perlu dipandang serius bagi mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Menyedari akan hal ini, penekanan kepada penglibatan dan penyertaan

murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan merupakan inisiatif KPM dalam membudayakan hidup dan pemikiran sihat melalui Dasar 1Murid 1Sukan. Hasrat murni KPM melalui dasar ini perlu disambut bagi melahirkan generasi sihat, sejahtera dan berproduktiviti tinggi untuk negara.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik 1Murid 1Sukan.


<b>Matlamat :</b>	Meningkatkan penyertaan yang menyeluruh dalam kalangan murid dalam kegiatan sukan sepanjang tahun.
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan kecergasan jasmani.</li> <li>2. Membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni.</li> <li>3. Memupuk perpaduan di antara kaum.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan penyertaan semua murid dalam sukan serta memupuk budaya bersukan.



INISIATIF 12: 1MURID 1SUKAN				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memberi Akses kepada Semua Murid Sihat untuk Bersukan	BS, BPSH, BPTV, BPI, BPKHAS, BPSBPSK, JPN, PPD, Sekolah	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyebarluaskan pelaksanaan Dasar 1M 1S.</li> <li>2. Menggalakkan kepelbagaian program sukan di sekolah.</li> <li>3. Menyediakan modul latihan kepada guru penasihat kelab sukan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penglibatan murid dalam sukan akan meningkat.</li> <li>2. Dapat melahirkan murid yang cergas, cerdas dan berdaya saing.</li> <li>3. Memupuk budaya bersukan dalam kalangan murid.</li> <li>4. Membina interaksi dan perpaduan antara murid.</li> </ol>
Memberi Peluang kepada Murid yang Berbakat dan Berpotensi dalam Sukan	BS, SSM, SSN, JPN, PPD, Sekolah	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan bilangan jenis sukan prestasi tinggi sekolah.</li> <li>2. Meningkatkan bilangan atlet murid prestasi tinggi.</li> <li>3. Menganjurkan dan melaksanakan kejohanan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jumlah atlet remaja dan kebangsaan dalam kalangan murid sekolah meningkat.</li> <li>2. Menambah jurulatih sukan berkelayakan yang terdiri daripada guru-guru sekolah.</li> </ol>
Membangunkan Sukan Sekolah	BS, BPPA, BKew, BPG	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan prasarana asas dan peralatan sukan.</li> <li>2. Menaik taraf, menyelenggara serta menambah prasarana dan sumber sukan.</li> <li>3. Memberi latihan asas kejurulatihan sukan kepada guru-guru.</li> <li>4. Meningkatkan bilangan guru PJK yang berkelayakan.</li> <li>5. Meningkatkan PCG Sukan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melahirkan jurulatih sukan dalam kalangan guru yang cemerlang</li> <li>2. Pelaksanaan aktiviti sukan dan PJK yang lebih mantap</li> <li>3. Sukan sebagai aktiviti yang diiktiraf di sekolah.</li> </ol>

## INISIATIF 12: 1MURID 1SUKAN

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Melibatkan Kerjasama daripada Pihak Kerajaan Tempatan dengan Swasta	BS, BPPDP, BDHA, PUU, UKK, BPSH	2011 - 2020	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Meningkatkan hubungan kolaboratif dengan badan-badan sukan.</li><li>2. Meningkatkan program bersama-sama kerajaan tempatan dan swasta.</li><li>3. Mewujudkan pasukan sukarela sukan sekolah.</li></ol>	Meletakkan KPM sebagai agensi yang berperanan dalam membangunkan sukan negara





**BAB 14:**  
**PEMBELAJARAN MAYA**

**KPM berpandangan bahawa penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran serta dalam bidang pentadbiran dan pengurusan sekolah dan institusi pendidikan adalah prasyarat bagi Malaysia untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi.**

Dalam konteks pendidikan, kemahiran abad ke-21 diperlukan untuk memenuhi keperluan baharu, iaitu senario pengajaran dan pembelajaran (p&p) moden dalam era digital dengan kemunculan inovasi teknologi baharu. Kemahiran ini bermaksud kecekapan menggunakan alat digital yang digerakkan oleh teknologi baharu di institusi pendidikan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dapat dijalankan. Hal ini melibatkan kreativiti, kemahiran berfikir, kebolehan membuat wajaran dan inovasi yang lebih mantap dengan menggunakan TMK sebagai penggerakannya.

Hakikatnya proses pembelajaran tidak semestinya berlaku di dalam bilik darjah sahaja. Proses ini boleh berlaku di mana-mana melampaui batas ruang fizikal. Kehadiran TMK dalam pendidikan telah membuka ruang dan peluang baru untuk kita memikirkan

keperluan wujudnya ruang belajar baru, iaitu ruang belajar maya. Ruang belajar yang baru perlu memenuhi keperluan generasi yang lahir dan membesar dalam era ledakan maklumat. Mereka dikenali sebagai Generasi Net atau *Technology Natives* selaras dengan generasi X, Y dan juga ke arah generasi alpha dan seterusnya.

Pembelajaran Maya dikenali sebagai pendidikan *on-line* atau e-pembelajaran bermula pada tahun 1998. Pembelajaran bentuk ini menggalakkan semua guru dan murid ke arah menggunakan teknologi berasaskan web untuk mengajar dan belajar. Dalam usaha menguasai kemahiran abad ke-21, pembelajaran seharusnya dapat diperoleh di mana-mana sahaja. Pembelajaran juga boleh dicapai dalam pelbagai konteks persekitaran dan situasi serta mempunyai kandungan yang paling adaptif.

<b>Matlamat :</b>	Memantapkan kualiti p&p melalui penggunaan TMK ke arah p&p yang berkesan.
<b>Objektif :</b>	Mengoptimumkan penggunaan TMK dalam p&p.
<b>Outcome :</b>	Meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melalui pembelajaran maya secara berterusan.

Fokus utama e-pembelajaran ialah murid perlu berdikari pada masa-masa tertentu dan bertanggungjawab ke atas pembelajarannya. Suasana e-pembelajaran mendorong murid memainkan peranan lebih aktif dalam pembelajarannya.

Murid membuat perancangan dan persediaan dengan rapi untuk mencari bahan maklumat berkaitan dengan pembelajaran atas daya usaha dan inisiatif sendiri. Justeru, jelas bahawa e-pembelajaran membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat mengurangkan penggunaan teknologi maklumat bagi kegunaan negatif yang lain.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik pembelajaran maya.

**E-pembelajaran merupakan p&p yang menggunakan rangkaian elektronik untuk menyampaikan isi kandungan, interaksi atau pemudahcaraan. Internet, intranet, setelit, pita audio dan video, televisyen interaktif dan CD-ROM adalah sebahagian daripada media elektronik yang dimaksudkan dalam kategori ini. Pengajaran boleh disampaikan pada waktu yang sama atau pada waktu yang berbeza.**


**INISIATIF 13: PEMBELAJARAN MAYA**


Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Meningkatkan Keberkesanan p&p melalui Pengintegrasian TMK Sepenuhnya untuk Semua Mata Pelajaran	BPG, IPG, BPI, BPTV, BTP	2012	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memantapkan aplikasi e-bahan.</li> <li>2. Mewujudkan suasana pembelajaran secara interaktif.</li> <li>3. Memperluas Sistem Pengurusan Pembelajaran.</li> <li>4. Memperluas penggunaan EduWeb.</li> </ol>	Mewujudkan suasana p&p yang lebih kondusif, fleksibel dan efektif.
Menyediakan Prasarana dan Bahan Bantu TMK di Semua Sekolah Terutama di Kawasan Pedalaman dan Luar Bandar	BTP, BP, BPPDP	Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan rangkaian jalur lebar yang stabil dan boleh menampung penggunaan aplikasi berasaskan data, audio dan video.</li> <li>2. Membekalkan e-bahan bagi setiap mata pelajaran ke semua sekolah rendah dan menengah.</li> <li>3. Menyediakan perisian khusus mengikut kategori pengguna.</li> </ol>	Meningkatkan keupayaan murid untuk membuat capaian kepada sumber pendidikan dan menggunakannya secara berkesan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
Menggunakan TMK bagi Menggalakkan Pembelajaran Tanpa Sempadan	BTP	Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan Standard Kompetensi TMK untuk murid.</li> <li>2. Memberi latihan kepada murid dalam aspek pembelajaran tutorial, penerokaan aplikasi dan komunikasi.</li> <li>3. Memudahkan pencarian maklumat dan bahan p&amp;p secara meluas.</li> </ol>	Meningkatkan keupayaan murid untuk membuat capaian kepada sumber pendidikan dan menggunakannya secara berkesan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

## INISIATIF 13: PEMBELAJARAN MAYA

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Mengukuhkan Kerjasama antara Sekolah dengan Agensi Luar dalam Memperluas Pelaksanaan Pembelajaran Maya	BTP, BPSH, BPSwasta	Berterusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperluas <i>school linkages</i>.</li> <li>2. Meningkatkan kerjasama dan penyertaan agensi tempatan dan luar negara dalam pelaksanaan pembelajaran maya terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.</li> <li>3. Menjalankan program kerjasama antara industri TMK tempatan dengan sekolah berdekatan.</li> </ol>	Meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.







**BAB 15:**  
**PERKONGSIAN PINTAR AWAM,**  
**SWASTA, KOMUNITI DAN**  
**IBU BAPA**

**K**erajaan amat menggalakkan penyertaan swasta dalam pembangunan pendidikan negara. Justeru, pihak swasta turut memainkan peranan penting untuk memajukan pendidikan negara dengan menyediakan kemudahan pendidikan di semua peringkat persekolahan sama ada di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah terutama yang berasaskan sains dan teknologi. Dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh kerajaan pada masa ini seperti NKRA, NKEA dan Gagasan 1Malaysia turut memperlihatkan kepentingan penglibatan pihak swasta dalam perkongsian pintar ini.

Di bawah inisiatif ini, perkongsian pintar diterjemahkan dalam bentuk memperluas bilangan institusi pendidikan swasta, meningkatkan sumbangan kepakaran swasta, menawarkan ekuiti yang munasabah, menyemak semula peraturan-peraturan pendidikan yang lama dan juga menggalakkan kerjasama institusi pendidikan dengan swasta, komuniti dan ibu bapa.

Peluasan bilangan institusi pendidikan swasta di negara ini bermula dari prasekolah, hinggalah kepada institusi swasta yang menyediakan pendidikan rendah, menengah dan program kemahiran. Melalui peluasan ini, pihak swasta akan dapat membantu kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti kepada murid dan rakyat Malaysia yang telah menamatkan persekolahan.

Penawaran ekuiti yang munasabah kepada pengusaha institusi pendidikan swasta lebih menjurus kepada potongan cukai dan juga bekalan murid-murid yang berminat dalam bidang kemahiran belajar di institusi pendidikan swasta. Ekuiti ini merupakan 'situasi menang-menang' antara kerajaan dengan swasta. Misalnya potongan cukai 'dua kali' kepada pengusaha swasta yang membeli peralatan pendidikan bagi tujuan latihan kepada murid-murid yang belajar di institusi mereka. Kerajaan juga boleh menghantar murid-murid yang berminat untuk meningkatkan kemahiran mereka dengan bayaran yang minimum kepada institusi pendidikan swasta yang terlibat.

<b>Matlamat :</b>	Memperkuhuk kerjasama antara awam dengan swasta, komuniti dan ibu bapa
<b>Objektif :</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan penglibatan komuniti dan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak muda khususnya dan pembangunan pendidikan umumnya.</li> <li>2. Meningkatkan kerjasama dengan swasta bagi memastikan perancangan tercapai sepenuhnya.</li> </ol>
<b>Outcome :</b>	Melahirkan masyarakat yang prihatin kepada dunia pendidikan.

Penglibatan komuniti dan ibu bapa dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga akan dapat meningkatkan kerjasama awam dan swasta. Peranan PIBG di peringkat sekolah perlu diperkukuh supaya peranan PIBG dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik, menyediakan kemudahan alatan pembelajaran dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta terutama sumbangan kewangan dan sebagainya.

Dalam hal ini, pihak sekolah perlu menyediakan ruang dan peluang untuk meningkatkan peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.

Jadual berikut menerangkan secara terperinci pelan tindakan utama, agensi pelaksana, tempoh, aktiviti dan *outcome* bagi inisiatif strategik perkongsian pintar awam, swasta, komuniti dan ibu bapa.

**Peraturan-peraturan Pendidikan yang tidak lagi sesuai dengan perkembangan masa kini akan dibuat semakan seperti peraturan pendaftaran tadika swasta di bawah Akta Pelajaran 1961 akan digantikan dengan peraturan yang lebih sesuai di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Hal demikian akan memberikan kelebihan kepada kerajaan untuk mengawal selia institusi pendidikan dengan lebih efisien lagi.**

INISIATIF 14: PERKONGSIAN PINTAR AWAM, SWASTA, KOMUNITI DAN IBU BAPA				
Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memperluas Bilangan Institusi Pendidikan Swasta	BPSwasta	2011 – 2020	1. Membina prasekolah swasta baru.	Meningkatkan enrolmen murid di prasekolah swasta dan kualiti pengurusan, guru dan murid.
	BPPDP, BPSwasta, JPN	2011	2. Mendaftar prasekolah di bawah NGO, agensi kerajaan.  3. Membina sekolah antarabangsa baru.	
Meningkatkan Perkongsian Kepakaran Swasta bagi Kemajuan Pendidikan	BPSwasta, Pusat Latihan SKM, BPSBPSK	2011 – 2020	1. Meningkatkan jalinan jaringan sekolah melalui penglibatan dalam program dan aktiviti antarabangsa.  2. Meningkatkan bilangan institusi latihan swasta yang memberi latihan kepada murid.  3. Meningkatkan bilangan agensi swasta yang menyumbang dana untuk suntikan modal.	10 % pusat SKM terlibat dalam menyediakan peluang kemahiran kepada murid-murid sekolah.
Menawarkan Ekuiti yang Menarik kepada Pengusaha Pendidikan Swasta	MITI, KPM	2011 – 2020	1. Menawar insentif ekuiti kepada pengusaha swasta yang berminat melabur dalam pendidikan.  2. Menawarkan insentif cukai yang munasabah kepada pengusaha swasta yang melabur dalam pendidikan.	Meningkatkan jumlah pelaburan dalam pendidikan oleh pengusaha swasta.

## INISIATIF 14: PERKONGSIAN PINTAR AWAM, SWASTA, KOMUNITI DAN IBU BAPA

Pelan Tindakan Utama	Agensi Pelaksana	Tempoh	Aktiviti	Outcome
Memantapkan Peraturan Berkaitan Pendidikan Swasta yang Lebih Fleksibel	BPPDP, BPSwasta	2011 - 2020	Mengkaji dan mewujudkan peraturan-peraturan pendidikan yang berkaitan dengan pendidikan swasta agar lebih relevan.	Pengurusan institusi pendidikan swasta yang lebih cekap dan efisien.
Menggalakkan Pengurusan Institusi Pendidikan Bekerjasama dengan Swasta, Komuniti dan Ibu Bapa	BPSwasta, Sektor Operasi KPM.	2011 – 2020	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempertingkatkan kesedaran tanggungjawab sosial korporat.</li> <li>2. Memantapkan peranan PIBG.</li> <li>3. Mempertingkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG memainkan peranan penting di peringkat sekolah.</li> <li>2. Peningkatan kehadiran, disiplin, pencapaian dan kemenjadian/karakter murid.</li> </ol>





**BAB 16:**  
**PENUTUP**



**T**empoh 10 tahun (2011-2020) adalah jangka masa untuk melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan negara supaya relevan bagi memenuhi tuntutan semasa dan membina keupayaan (*capacity building*) untuk mendepani cabaran akan datang. Sistem pendidikan negara berperanan melahirkan murid yang menguasai kemahiran literasi dan numerasi serta mempunyai keupayaan untuk berhadapan dengan tuntutan dan cabaran persaingan sengit dunia tanpa sempadan. Sistem pendidikan negara perlu melahirkan murid yang mempunyai kemampuan berfikir di aras tinggi, kemahiran yang bersifat *hands on* serta kemahiran interpersonal yang tinggi bagi menjamin kebolehpasaran serta kebolehan hidup bermasyarakat.

Sehubungan itu, Pelan Strategik Interim KPM 2011–2020 yang komprehensif dan holistik ini dijangka dapat membangunkan modal insan yang dapat memenuhi hasrat dan cabaran Wawasan 2020.

Kejayaan Pelan Strategik Interim KPM 2011–2020 ini, amat bergantung pada pelaksanaan dan pemantauan yang mantap. Pemantauan akan diadakan secara berkala dan dibuat penambahbaikan pada setiap peringkat pelaksanaan supaya sasaran

yang ditetapkan tercapai. Melalui strategi dan pelan tindakan, aktiviti pemantapan pengupaya dan lonjakan pembaharuan akan dilaksanakan bagi menuju kecemerlangan pendidikan. KPM akan memantau petunjuk prestasi utama bagi setiap inisiatif strategik dan melaporkan pencapaian setiap inisiatif dalam kad laporan tahunan. Kejayaan dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang menentukan kegemilangan dan kelestarian sistem pendidikan negara menjelang tahun 2020, tahun pencapaian Wawasan 2020. Pelan Strategik Interim KPM 2011–2020 ini penting bukan sahaja kepada penggubal dasar tetapi kepada pelbagai pihak yang mempunyai kaitan dengan sistem pendidikan negara termasuk pihak berkepentingan, murid, ibu bapa, institusi pendidikan yang terlibat secara langsung dengan pendidikan prasekolah, rendah dan menengah di Malaysia.

## **FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL**

Pendidikan adalah agenda negara yang perlu dijayakan secara bersama-sama oleh pelbagai pihak bagi menghasilkan modal insan berkualiti. Kejayaan sistem pendidikan adalah berdasarkan keupayaannya untuk menghasilkan modal insan berkualiti

daripada segi berpengetahuan, mempunyai nilai kreatif, inovatif, bersatu padu dan menjaga kesihatan. Walau bagaimanapun, kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh pelaksanaan yang cekap dan berkesan serta kekuatan kerjasama antara KPM dengan pelbagai agensi awam, komuniti, ibu bapa dan swasta. Pelbagai cabaran semasa perlu diambil kira dan diberi tumpuan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020.

## CABARAN DAN TUMPUAN PELAN STRATEGIK INTERIM KPM 2011-2020

Berdasarkan cabaran masa kini, beberapa faktor diberi tumpuan bagi memastikan kejayaan Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020. Tumpuan adalah terhadap faktor-faktor berikut:

### Kualiti Guru

- Memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan.
- Menempatkan guru yang berpengetahuan dan kelayakan mengikut opsyen.
- Mengambil kira pengalaman guru.
- Menjaga kebajikan guru.
- Memastikan Pembangunan Profesionalisme Berterusan.

### Kualiti Kepimpinan

- Memastikan pemimpin sekolah sebagai *instructional leader* bekerjasama dengan guru, sekolah, keluarga, komuniti, masyarakat dan ahli politik.
- Memastikan pemimpin sekolah berkeupayaan mempengaruhi pihak swasta untuk membantu sekolah dalam pelbagai bidang.
- Memastikan kurikulum di sekolah dijalankan dengan baik dan cemerlang.
- Melaksanakan pengurusan sekolah yang berkesan.

### Infrastruktur

- Memastikan prasarana sekolah berkualiti terutama kemudahan asas di luar bandar.
- Menyediakan bangunan dan infrastruktur yang kondusif agar p&p berkesan dapat dijalankan.

### Penglibatan Ibu Bapa

Melibatkan ibu bapa secara aktif dalam meningkatkan pencapaian dan kemenjadian murid.

### Penglibatan Komuniti dan Swasta

- Mendapatkan sokongan dan sumbangan pihak swasta.
- Memastikan sokongan PIBG dalam menjayakan program/aktiviti sekolah.

- Mewujudkan jalinan dan jaringan agensi-agensi awam.
- Mendapatkan sokongan Kesatuan Guru.
- Melibatkan Organisasi Pendidikan Serantau dan Antarabangsa seperti SEAMEO, UNESCO dan OECD.

### Sistem Penyampaian yang Berkesan

- Memastikan sistem penyampaian berkesan di sekolah.
- Memastikan sistem penyampaian berkesan di kementerian, jabatan dan daerah.

### Tadbir Urus yang Mantap

- Memastikan pemilihan pengetua/guru besar yang berkualiti.
- Memastikan pemilihan pegawai-pegawai yang berkualiti di kementerian, jabatan dan daerah.
- Memastikan pengurusan program sokongan/bantuan cekap.
- Sistem pemantauan dan penilaian yang berkesan.

## KAJIAN SEMULA SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Cabaran di dalam dan luar negara telah menyedarkan KPM untuk mengukuhkan lagi sistem pendidikan sedia ada, bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke pengajian tinggi. Atas kesedaran

ini, transformasi sistem pendidikan negara perlu dilaksanakan. Pada dasarnya transformasi sistem pendidikan memerlukan komitmen semua pihak.

Sistem penyampaian dan pemantauan yang lebih realistik ini dapat memacu ke arah sistem pendidikan yang cemerlang, holistik, praktikal dan dapat membangunkan modal insan yang menekankan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, pembudayaan sikap progresif, serta pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi.

Justeru, KPM mengambil langkah untuk meningkatkan usaha mentransformasi sistem pendidikan. Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh KPM adalah untuk menilai semula sistem pendidikan negara. Penilaian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud di dalam sistem pendidikan. Penilaian semula sistem pendidikan negara bertepatan pada masa dan kehendak serta keperluan masyarakat Malaysia masa kini yang menuntut supaya sistem pendidikan negara lebih berkualiti setanding dengan negara maju.

Penilaian sistem pendidikan negara yang sedang dijalankan merupakan penilaian yang menyeluruh dan bersepadu dengan penglibatan panel penilai dari dalam dan luar negara. Bidang-bidang yang dinilai melibatkan Pelaksanaan Dasar KPM, Sumber Tenaga Manusia, Pengurusan dan Tadbir Urus, Struktur dan Jenis Sekolah, Kurikulum dan Pentaksiran, Kualiti Guru

dan Kepimpinan, Kemudahan dan Prasarana serta proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan laporan yang disediakan oleh pelbagai agensi ini akan dikumpulkan dan dianalisis bagi menghasilkan satu laporan penilaian yang komprehensif dikenali sebagai Laporan Penilaian Sistem Pendidikan Negara (LPSPN).

## **HARAPAN MASA HADAPAN**

Setelah berakhirnya tempoh pelaksanaan PIPP 2006-2010, KPM merangka pelan strategik interim ini untuk memastikan kesinambungan proses pembangunan pendidikan sebelum pelan yang lebih komprehensif disiapkan.

**KPM akan meneliti cadangan serta syor yang dikemukakan dalam LPSPN dan satu Laporan Pencapaian dan Hala Tuju Pendidikan akan disediakan. Laporan ini merupakan Pelan Pembangunan (Blueprint) KPM bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang. KPM juga akan menyediakan Pelan Strategik Pelaksanaan bagi membantu pihak pelaksana merancang, melaksanakan dan memantau program pendidikan bagi tujuan meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan negara.**

Sesungguhnya, dalam memastikan matlamat setiap murid berpotensi untuk berjaya, satu keadaan vakum tidak boleh wujud kerana pembinaan modal insan ialah satu proses yang memakan masa dan memerlukan komitmen yang berterusan.

Oleh itu, inisiatif dalam Pelan Strategik Interim KPM 2011 – 2020 ini dirangka untuk kepentingan pelbagai pihak, bukan sahaja kepada penggubal dasar tetapi kepada pihak yang mempunyai kaitan dengan KPM termasuk pihak berkepentingan, pelajar, ibu bapa, institusi dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan KPM. Oleh itu, koordinasi, kerjasama berpasukan dan rasa pemilikan bersama dalam kalangan pelbagai pihak di dalam dan di luar KPM adalah amat penting. KPM mengharapkan inisiatif strategik ini menjadi pemacu kepada peningkatan mutu pendidikan negara ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020, iaitu hasrat untuk menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri dan masyarakat yang mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan.

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN DAN PENULISAN  
PELAN STRATEGIK INTERIM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
2011 – 2020**

Penaung	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	
Penasihat	:	Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)	
Pengerusi	:	Dr. Faridah binti Abu Hassan (Pengarah, BPPDP)	
Naib Pengerusi	:	Dr. Hajah Masnah binti Ali Muda (Timbalan Pengarah (DP), BPPDP)	
		Dr. Hj. Zainal Aalam bin Hassan (Timbalan Pengarah (PP) BPPDP)	
Ahli-ahli	:	Puan Khalijah binti Mohammad Dr. Isham binti Ishak Dr. Zuber bin Hassan Puan Haryati binti Mohamed Razali Cik Nor Fariza binti Mohd Idris Dr. Samsuddeen KMS Abdul Aziz Puan Rusminah binti Musliman Puan Noorzaidah binti Mohamed Noor	} Urus setia

Sekalung penghargaan atas sumbangan Wakil Penulis daripada Bahagian KPM, iaitu:

1. Dr. Rosli bin Yacob  
Puan Mahawa binti Pilus  
**Institut Pendidikan Guru**
2. Cik Hjh. Zanariah binti Hj. Ahmad  
**Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional**
3. Puan Norfadzlianawaty binti Mohd Fathel  
Encik Mohammad Bustaman bin Abdul Manaf  
Encik Wan Ghazali bin Wan Din  
**Institut Aminuddin Baki**
4. Dr. Syarifah Fetom binti Syed Zain  
**Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti**

5. Puan Noor Akmar binti Alias  
**Bahagian Pengurusan Sekolah Harian**
6. Dr. Mahanom binti Mat Sam  
**Bahagian Pendidikan Guru**
7. Encik Hamidun bin Abdullah  
**Bahagian Pendidikan Swasta**
8. Puan Rohayati binti Abdul Hamed  
Dr. Markhaini Wati binti Sarwani  
Dr. Zaharian bin Zainuddin  
Dr. Zaini binti Ahmad  
Puan Faridah binti Salehan  
Encik Ismail bin Ibrahim  
Encik Abd. Khalik Khassunah Muzir  
Cik Faridah binti Lani  
Puan Zurina binti Zulkarnain  
Puan Norhayati binti Uteh  
Puan Norhayati binti Ab Wahab  
**Bahagian Perancangan Pendidikan Dasar Pendidikan**
9. Puan Yasmin binti Othman  
**Bahagian Sukan**
10. Encik Mohd Rashid bin Mean  
**Bahagian Kokurikulum dan Kesenian**
11. Encik Yazit bin Kechik  
**Bahagian Pendidikan Islam**
12. Encik Baharin bin Selamat  
**Bahagian Pendidikan Khas**
13. Encik Zamzaitul Akmal bin Hisham  
**Bahagian Pembangunan Kurikulum**
14. Encik Alias bin Samsudin  
**Bahagian Teknologi Pendidikan**
15. Dr. Hanizah binti Hamzah  
**Lembaga Peperiksaan**



**PELAN STRATEGIK**

# Interim

Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020

ISBN 978-963-9522-26-6



9 789639 522266